



Kepentingan Integriti

Tatakelakuan Perniagaan
dan Etika Micron





Pengenalan oleh CEO

Ahli Pasukan yang Dihormati,

Di Micron, kita semua komited terhadap kejayaan Syarikat kita dalam mencapai wawasan untuk mengubah cara dunia menggunakan maklumat bagi memperkayakan kehidupan dan misi kita untuk menjadi peneraju global dalam penyelesaian memori dan storan. Namun, kejayaan bukan sekadar mencapai objektif perniagaan kita – cara kita menjalankan perniagaan juga perlu diambil kira. Paling penting, kita bertindak dengan integriti dalam semua perkara yang kita lakukan. Keteguhan integriti ialah prinsip asas yang menjadi dasar nilai korporat dan cara kita mengendalikan perniagaan di Micron. Integriti menjadi keutamaan berbanding pencapaian perniagaan dan tidak boleh dikompromi dengan memihak pada mana-mana tindakan, keputusan atau hubungan perniagaan. Semua ahli pasukan dan pemimpin Micron mesti menjangka dan mengamalkan standard integriti tertinggi dalam kehidupan. Dalam jangka masa panjang, kita tidak akan mencapai wawasan atau misi kita tanpanya.

Dokumen ini, Kepentingan Integriti: Tatakelakuan Perniagaan dan Etika Micron memberikan panduan mengenai cara bertindak dengan berintegriti dan membuat pilihan yang betul. Kita semua — pegawai, ahli pasukan dan pengarah — bertanggungjawab untuk mengambil tahu dan menggunakan panduan ini. Tidak kira di mana-mana bahagian kita bekerja atau apa-apa jenis pekerjaan yang kita lakukan di Micron, integriti sentiasa penting.

Sudah tentu, Tatakelakuan ini tidak dapat memberikan nasihat cara untuk bertindak dalam setiap keadaan — tiada satu dokumen pun yang boleh melakukannya. Dalam hal tertentu, mungkin sukar untuk memutuskan tindakan sewajarnya yang perlu diambil. Pada masa tersebut, anda sentiasa boleh berbincang dengan pengurus anda, Jabatan Undang-undang, atau mana-mana sumber lain yang disenaraikan di bahagian [“Saluran Mendapatkan Bantuan”](#) dalam bab 1 Tatakelakuan ini. Anda juga boleh berbincang dengan sumber ini sekiranya anda fikir anda telah menyaksikan pelanggaran Tatakelakuan kita. Micron mengalu-alukan soalan dan laporan, serta kita tidak akan melakukan tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan kebimbangan mereka dengan niat baik.

Kita semua memainkan peranan utama ke atas kejayaan Micron dan Syarikat kita bergantung pada setiap warga kerja untuk mempamerkan integriti dalam semua urusan perniagaan kita. Bersama bantuan anda, kita boleh membina reputasi Micron untuk produk berkualiti dan tingkah laku beretika, setiap hari.

Yang benar,



Sanjay Mehrotra
Ketua Pegawai Eksekutif

Komitmen Kita

Tiada perkara yang lebih penting daripada komitmen kita terhadap integriti. Kualiti reputasi kita adalah sama penting dengan kualiti produk kita. Integriti menjadi keutamaan berbanding pencapaian perniagaan dan tidak boleh dikompromi dengan memihak pada mana-mana tindakan, keputusan atau hubungan perniagaan.

Masa depan kita dibina atas inovasi berterusan, tetapi operasi harian kita tidak akan berjaya tanpa komitmen ahli pasukan kita dalam mengendalikan perniagaan.

Peranan Anda

Mengikuti Tatakelakuan Kita

Bertindak secara beretika bermakna kita mesti mendukung tanggungjawab kita dalam mematuhi semua undang-undang dan pengawalan yang terpakai terhadap kerja yang kita lakukan dan lokasi kita. Kita tidak boleh melanggar mana-mana undang-undang — tidak kira sekecil mana. Walau bagaimanapun, standard yang kita tetapkan untuk diri kita sendiri adalah lebih tinggi berbanding sekadar mengikut undang-undang. Kita mahu membuat pilihan beretika dalam semua keadaan. Pertimbangan yang baik, kebiasaan akan menjuruskan ke arah tindakan yang baik — tetapi sekiranya anda tidak pasti, jangan berasa ragu untuk bertanya.

Kod Amalan Perniagaan dan Etika ini mewakili komitmen kita dalam melakukan perkara yang betul. Dengan menjadi sebahagian daripada pasukan Micron, anda bersetuju mendukung komitmen ini. Anda mesti memahami standard Tatakelakuan, dasar dan undang-undang yang terpakai untuk jawatan atau fungsi anda — dan anda mesti sentiasa mematuhi standard ini. Ahli pasukan yang tidak mematuhi standard ini akan mendedahkan diri, rakan sekerja mereka dan Micron pada risiko. Sesiapa yang melanggar Tatakelakuan mungkin juga akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan, serta pendakwaan jenayah sekiranya keadaan mewajarkan.

Tatakelakuan ini terpakai kepada semua individu yang bekerja bagi pihak Micron di seluruh dunia, termasuk ahli pasukan (pekerja, pegawai dan pengarah) dan pekerja sementara. Kita semua dijangka mematuhi standard yang terkandung dalam Tatakelakuan ini. Semua pihak ketiga (seperti vendor, pembekal, kontraktor, pengedaran, wakil jualan) yang bekerja dengan kita juga perlu mengikut standard yang digariskan dalam Tatakelakuan ini atau tatakelakuan dan dasar organisasi pihak ketiga itu sendiri, sekiranya prinsipnya sangat serupa dengan kita. Kita perlu merujuk Tatakelakuan ini untuk mendapatkan panduan sekiranya tindakan yang wajar tidak begitu jelas.

Di Micron, kita mempunyai warisan bertindak dengan integriti yang lama dan kaya kerana kita telah membina satu daripada syarikat semikonduktor terbesar di dunia. Hari ini, integriti ialah prinsip asas kepada nilai teras kita — warga kerja, inovasi, ketabahan, kerjasama dan tumpuan pelanggan. Bergantung pada setiap warga kerja untuk meneruskan warisan tersebut dan memastikan bahawa kita menerapkan nilai teras kita bersama keteguhan integriti, yang amat penting kepada kejayaan kita secara individu dan sebagai syarikat.

Tanggungjawab Pengurus dan Penyelia

Kita semua memainkan peranan penting dalam memastikan budaya beretika kita, tetapi pengurus dan penyelia mempunyai tanggungjawab tambahan. Jika anda seorang pengurus atau penyelia, anda mesti menjalankan tanggungjawab anda untuk mencipta dan mengekalkan budaya berintegriti dan pematuhan. Anda boleh lakukannya dengan:

- Menetapkan contoh tingkah laku beretika
- Memastikan pekerja di bawah seliaan anda faham cara mengikuti Tatakelakuan dan sumber yang tersedia kepada mereka
- Memantau pekerja di bawah seliaan anda dalam usaha untuk memastikan mereka mengikuti Tatakelakuan itu
- Menguatkuaskan standard dalam Tatakelakuan kita
- Menyokong ahli pasukan yang bertanyakan soalan atau membangkitkan kebimbangan tentang pelanggaran Tatakelakuan, pematuhan atau integriti
- Mendengar dengan teliti untuk memahami soalan dan kebimbangan, serta jangan sesekali melakukan tindakan balas atau bertolak ansur dengan tindakan balas oleh sesiapa sahaja dalam pasukan anda

Sebagai pengurus atau penyelia, tingkah laku beretika bermula dengan diri anda. Ingat — kepimpinan melalui teladan ialah cara terbaik untuk memberi inspirasi tingkah laku beretika kepada yang lain.

Kandungan

- i Pengenalan oleh CEO
- ii Komitmen Kita
- iii Peranan Anda

01

1 Menjalankan Perniagaan Dengan Integriti: Pengenalan kepada Tatakelakuan Kita

- 2 Fungsi Tatakelakuan Kita
- 3 Saluran Mendapatkan Bantuan

02

5 Bertindak Dengan Integriti untuk Rakan Ahli Pasukan Kita

- 6 Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Perangkuman (DEI)
- 6 Layanan Bermaruah
- 8 Standard Buruh yang Adil
- 9 Keselamatan di Tempat Kerja Kita
- 11 Dadah dan Alkohol

03

12 Bertindak Dengan Integriti untuk Syarikat Kita

- 13 Aset Micron
- 14 Maklumat Sulit
- 15 Hak Milik Intelektual Pihak Ketiga
- 16 Sistem Teknologi
- 17 Privasi
- 18 Konflik Kepentingan

04

22 Bertindak Dengan Integriti untuk Pasaran Kita

- 23 Kualiti Produk
- 23 Jangkaan Pembekal Kita
- 24 Kelakuan Adil dalam Pasaran
- 27 Menghormati Pelanggan Kita
- 28 Hadiah dan Keraian
- 31 Penyogokan dan Rasuah
- 33 Kontrak Kerajaan
- 34 Menjalankan Perniagaan di Seluruh Dunia

05

35 Bertindak Dengan Integriti untuk Pelabur Kita

- 36 Lejar dan Rekod
- 37 Penyiasatan dan Audit
- 38 Dagangan Orang Dalam
- 39 Bercakap bagi Pihak Syarikat Kita

06

41 Bertindak Dengan Integriti untuk Komuniti Kita

- 42 Komitmen Alam Sekitar
- 43 Aktiviti Politik
- 44 Penglibatan Kerja Amal
- 44 Penepian
- 45 Sumber Tambahan

01 Menjalankan Perniagaan Dengan Integriti: Pengenalan kepada Tatakelakuan Kita



Fungsi Tatakelakuan Kita

Di Micron, kita komited dalam menjalankan perniagaan dengan integriti. Tatakelakuan kita menetapkan standard tingkah laku yang mesti penuhi untuk menyokong komitmen tersebut—walaupun apabila tindakan yang betul tidak selalunya jelas. Tatakelakuan kita menunjukkan gambaran keseluruhan undang-undang dan prinsip etika yang terpakai terhadap kerja kita, termasuk standard industri seperti Tatakelakuan Perikatan Perniagaan Yang Dipertanggungjawab (RBA) dan hendaklah digunakan bagi membantu anda membuat keputusan yang betul. Dalam hal tertentu, standard dalam Tatakelakuan kita dan Tatakelakuan RBA mungkin melangkaui keperluan undang-undang. Tatakelakuan Kita juga menggariskan komitmen Syarikat kita terhadap integriti dalam semua perkara yang kita lakukan dan standard etika yang tinggi dijangkakan antara satu sama lain. Tatakelakuan ini juga menerangkan standard yang kita tegakkan, serta sumber yang boleh kita bergantung sekiranya kita memerlukan bantuan. Mematuhi Tatakelakuan kita akan membantu Micron mencapai kejayaan dan membantu kita membina kepercayaan antara satu sama lain dan bersama pihak yang berkepentingan.

Apakah RBA?

Tatakelakuan Perikatan Perniagaan Yang Dipertanggungjawab (RBA) ialah kumpulan syarikat terkemuka, termasuk Micron, yang telah bergabung untuk menggalakkan suasana kerja yang bertanggungjawab, amalan perniagaan beretika dan penjagaan alam sekitar di seluruh rantaian bekalan globalnya. Ahli RBA mematuhi Tatakelakuan RBA, yang menangani jangkaan terhadap diri kita sendiri dan terhadap rantaian bekalan kita dari segi tenaga kerja, kesihatan dan keselamatan, amalan alam sekitar, etika dan pengurusan sistem. Kita semua diharap dapat mematuhi Tatakelakuan RBA dan memastikan pembekal kita melakukan perkara yang sama. Tatakelakuan kita mengandungi maklumat umum tentang beberapa peruntukan penting Tatakelakuan RBA. Untuk maklumat lanjut mengenai topik ini, sila rujuk kepada Tatakelakuan RBA, yang boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/).

Micron mempunyai sumber lain yang disediakan untuk membantu kita membuat pilihan beretika. Ini termasuk dasar global kita (alias: dasar/), buku panduan ahli pasukan dan bahan tambahan yang boleh didapati di laman web Pematuhan & Etika (alias: CEC/). Bahan ini dirujuk secara keseluruhannya dalam Tatakelakuan ini bagi memberikan maklumat tambahan.

Jika Tatakelakuan atau bahan tambahan kita lebih ketat berbanding undang-undang dan pengawalan yang terpakai kepada kita, maka kita perlu sentiasa mengikuti Tatakelakuan dan bahan tambahan kita, serta bertanyakan soalan sekiranya kita tidak pasti. Untuk maklumat lanjut, lihat bahagian “Sumber Tambahan” di bahagian akhir Tatakelakuan.

Tatakelakuan ini menetapkan standard tingkah laku yang kita mesti penuhi untuk menyokong komitmen kita ke arah menjalankan perniagaan dengan integriti.

Saluran Mendapatkan Bantuan

Dengan bersuara apabila kita mempunyai soalan atau mengetahui kemungkinan terdapat kejadian salah laku, kita mendukung komitmen Syarikat terhadap integriti. Melaporkan salah laku sebenar atau disyaki membolehkan Micron menyiasat masalah yang berpotensi, menghentikan salah laku dan mencegah tingkah laku yang boleh merosakkan reputasi kita sebagai peneraju industri. Untuk melaporkan kebimbangan atau bertanya soalan, anda boleh hubungi:

- Pengurus jabatan anda
- Pegawai syarikat
- Jabatan yang mempunyai kepakaran khas berkaitan kebimbangan anda, seperti Keselamatan, Sumber Manusia (HR), Hubungan Pekerja (ER) atau Sekuriti
- Jabatan Undang-undang
- Ketua Pegawai Pematuhan
- Naib Presiden Buruh/Pekerjaan, Ekonomi Kitaran (CE) dan Kelestarian
- Pengarah Pematuhan & Etika Global
- Talian Utama Pematuhan Micron

Micron menggalakkan anda mengarahkan soalan atau kebimbangan kepada pengurus jabatan anda, jika anda berasa selesa berbuat demikian. Jika tidak, anda boleh menghubungi pekerja lain secara peribadi atau Talian Utama Pematuhan. Talian Utama Pematuhan dikendalikan oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan boleh dihubungi oleh sesiapa sahaja (di dalam atau di luar Micron) 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, melalui internet atau telefon. Talian Utama ini boleh diakses di MicronNow melalui alias talian utama/, melalui laman web Pematuhan & Etika (alias: CEC/) atau melalui laman utama micron.com luaran.



Talian Utama Pematuhan kita membolehkan anda melaporkan kebimbangan anda secara tanpa nama, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Walau bagaimanapun, anda digalakkan meninggalkan maklumat untuk menghubungi anda supaya kita dapat menyiasat perkara tersebut dengan lebih baik. Sila buat laporan secara terbuka dan jujur dan jangan secara sengaja memasukkan apa-apa maklumat palsu dan mengelirukan. Berikan maklumat sebanyak yang anda boleh, kerana ini akan membantu Syarikat menjalankan penyiasatan dengan menyeluruh dan sewajarnya. Kita memandang serius semua laporan yang dibuat.


Apabila anda membuat laporan, anda menjalankan tanggungjawab anda dalam membantu Syarikat kita kekal beretika dan berjaya. Walaupun anda dialu-alukan untuk terus berjumpa pengurus anda dengan apa-apa kebimbangan atau bertanya kepada individu atau jabatan yang khusus tentang topik tertentu, anda boleh sentiasa berbincang dengan mana-mana sumber yang sebelum ini dirujuk mengenai apa-apa kebimbangan atau potensi pelanggaran. Ingat, bersuara secepat mungkin adalah lebih penting berbanding berasa bimbang mencari pakar khusus.

Micron komited mewujudkan persekitaran “bersuara” yang kita boleh melaporkan pelanggaran yang disyaki dan melibatkan diri dalam penyiasatan tanpa berasa takut terhadap balasan atau tindakan balas. Tiada siapa yang boleh melakukan tindakan balas terhadap anda kerana menyuarakan kebimbangan atau melibatkan diri dalam penyiasatan dengan niat baik. Sesiapa yang melakukan tindakan balas terhadap seseorang yang membuat laporan dengan niat baik boleh dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan. Saling bertanggungjawab atas tindakan masing-masing adalah penting kepada kejayaan kita. Untuk maklumat lanjut tentang tugas anda untuk bersuara apabila anda mengetahui terdapat potensi salah laku dan bekerjasama dengan penyiasatan, lihat bahagian “Penyiasatan dan Audit” dalam bab 5 berikutnya.

Jika anda rasa anda telah mengalami atau menyaksikan tindakan balas, laporkan keadaan itu dengan segera kepada satu sumber yang dirujuk sebelum ini atau seperti yang diperincikan dalam bahagian “Sumber Tambahan” di bahagian akhir Tatakelakuan.

Tiada siapa yang boleh melakukan tindakan balas terhadap anda kerana menyuarakan kebimbangan atau melibatkan diri dalam penyiasatan dengan niat baik.

02 Bertindak Dengan Integriti untuk Rakan Ahli Pasukan Kita



Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Perangkuman (DEI)

Di Micron, ahli pasukan kita ialah pemacu kelebihan daya saing kita yang amat penting. Kita percaya bahawa inovasi kita yang terbaik muncul daripada pelbagai pengalaman, pandangan dan latar belakang ahli pasukan kita. Syarikat kita berpandangan luas mengenai kepelbagaian. Kepelbagaian adalah lebih daripada satu dimensi. Kepelbagaian antara lain termasuk bangsa, etnik, jantina, orientasi seksual, status sosioekonomi, kehilangan upaya dan umur. Kepelbagaian ini dapat dilihat atau tidak dapat dilihat. Kesaksamaan bermaksud yang semua individu di Micron mempunyai peluang untuk membangun, menyumbang dan memajukan diri – tanpa mengira identiti. Perangkuman bermakna ahli pasukan kita dilihat, didengar, dihargai dan dihormati. Micron komited dalam membina budaya yang pelbagai dan terangkum, iaitu keadaan apabila warga kerja berasa dihargai sebagai diri mereka sendiri, cara mereka berfikir dan kemahiran yang mereka bawa, dalam persekitaran yang semua ahli pasukan boleh membangun dan berkembang maju.

Menyediakan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi, tempat semua ahli pasukan dilayan dengan adil dan hormat, adalah penting untuk memupuk budaya perangkuman. Syarikat kita melarang keras apa-apa bentuk diskriminasi yang menyalahi undang-undang terhadap mana-mana ahli pasukan atau pemohon untuk pekerjaan. Kita merekrut, mengambil, melatih, menaikkan pangkat, mendisiplinkan dan membuat keputusan pekerjaan lain tanpa mengambil kira bangsa, warna kulit, etnik, agama, jantina, orientasi seksual, identiti atau penampilan jantina, umur, negara asal, kehilangan upaya, status veteran, status perkahwinan atau klasifikasi lain yang dilindungi di bawah undang-undang atau dasar Syarikat. Di samping itu, kita komited dalam menyediakan penyelesaian yang munasabah untuk ahli pasukan yang kehilangan upaya atau kepercayaan dan amalan agama mereka.

S:

Rakan sekerja Mariana, James suka menceritakan jenaka yang dibaca dalam talian kepada rakan sekerjanya. Sering kali, perkara yang melucukan mempunyai kaitan dengan tanggapan stereotaip mengenai etnik, bangsa atau jantina. Mariana mendapat jenaka yang dibuat menyakitkan hati dan dia tahu beberapa individu lain pun berasa begitu. Apakah yang perlu dia lakukan?

J:

Mariana perlu memberitahu James bahawa jenaka yang dibuat menjadikannya tidak selesa dan meminta supaya ia dihentikan. Jika dia berasa tidak selesa melakukannya atau jika James masih terus membuat jenaka ini, dia hendaklah berbincang dengan pengurusnya mengenai tingkah laku James. Tempat kerja bukan tempat untuk jenaka yang menyakitkan hati atau menjijikkan. Komen jenis ini boleh mewujudkan persekitaran negatif dan membuatkan individu lain berasa tidak dialu-alukan. Di Micron, kita mahu mewujudkan persekitaran yang semua individu berasa dihormati dan boleh bekerja dengan cemerlang.

Layanan Bermaruah

Rasa hormat ialah asas kepada komitmen kita terhadap kepelbagaian, kesaksamaan dan perangkuman, serta kita menjangkakannya daripada diri kita sendiri dan satu sama lain sepanjang masa. Di tempat kerja yang penuh dengan budi bahasa dan produktif, semua individu perlu dilayan dengan rasa hormat dan profesional. Oleh itu, Syarikat kita tidak bertolak ansur dengan apa-apa jenis gangguan.

Gangguan boleh hadir dalam berbagai bentuk, termasuk pernyataan lisan, sentuhan fizikal atau paparan visual. Gangguan ini boleh dilakukan oleh rakan sekerja, penyelia, vendor, pembekal, kontraktor atau bahkan juga pelanggan. Takrifan gangguan mengikut undang-undang mungkin berbeza, bergantung pada tempat kita bekerja, tetapi ia sentiasa mempunyai tujuan atau kesan mewujudkan persekitaran yang menakutkan, menyakitkan hati atau memburukkan imej individu lain. Gangguan ialah suatu bentuk diskriminasi dan, oleh yang demikian, ia tidak sepatutnya berlaku di Micron.

Perlu diingatkan bahawa gangguan boleh berlaku dalam bentuk seksual atau bukan seksual. Gangguan seksual boleh termasuk cubaan yang tidak diingini, jenaka seksual yang tidak wajar, komen yang bersifat seksual, menyentuh, permintaan untuk nikmat seksual dan komen yang tidak wajar tentang penampilan seseorang. Gangguan bukan seksual boleh termasuk komen kesat, jenaka atau gambar berkaitan dengan bangsa, agama, etnik, jantina atau umur. Bagi memastikan tempat kerja kita dipenuhi dengan rasa hormat, komen dan tindakan kita mesti sentiasa sesuai.

Jika anda rasa yang anda telah mengalami atau melihat tingkah laku diskriminasi atau mengganggu dan anda tidak selesa menangani keadaan ini sendiri, sila bersuara dan laporkan isu tersebut. Kita tidak bertolak ansur dengan tindakan balas atau hukuman terhadap sesiapa yang membuat aduan dengan niat baik.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman web Kepelbagaian dan Perangkuman (alias: DEI/) dan Panduan Tempat Kerja Bebas Gangguan yang boleh didapati di laman web dasar global (alias: dasar/) kita.

S:

Fatima ialah seorang Islam yang taat dan dia memakai tudung setiap hari. Rakan sekerjanya kerap memberi komen tentang pakaianya dan kadang-kadang, dia terdengar mereka membuat jenaka atau kenyataan biadab tentang pegangannya terhadap agama Islam. Perkara ini membuatkan berasa tidak selesa, tetapi dia tidak pasti sekiranya ia boleh dianggap sebagai gangguan. Adakah Fatima diganggu?

J:

Kejadian ini boleh dianggap sebagai gangguan. Rakan sekerja Fatima membuatkannya berasa tidak selesa dengan pernyataan mereka tentang agamanya. Dia perlu menyuarakan tentang keadaan itu dengan memberitahu rakan sekerjanya yang komen mereka membuatkannya berasa tidak selesa. Dia juga boleh menghubungi pengurus atau sumber lain. Kita semua berhak dihormati di tempat kerja.

Rasa hormat ialah asas kejayaan pasukan kita dan kita menjangkakannya daripada diri kita sendiri dan satu sama lain sepanjang masa.



Standard Buruh yang Adil

Kita amat komited dalam menghormati dan melindungi hak asasi manusia di mana-mana sahaja kita beroperasi. Atas sebab itu, kita mematuhi semua undang-undang berkenaan yang berkaitan dengan jam bekerja dan upah, serta semua garis panduan Tatakelakuan RBA. Di bawah garis panduan ini, minggu bekerja tidak boleh melebihi maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan dan secara umumnya tidak boleh melebihi 60 jam seminggu, termasuk kerja lebih masa. Di samping itu, semua pekerja dibenarkan sekurang-kurangnya sehari cuti bagi setiap tujuh hari.

Kita tidak menggunakan buruh kanak-kanak atau buruh paksa dalam mana-mana operasi atau kemudahan kita dan kita tidak pernah terlibat dalam apa jua bentuk pemerdagangan atau perhambaan manusia. Dalam semua operasi, kita tidak membenarkan eksloitasi terhadap kanak-kanak; penderaan fizikal, lisan atau emosi; mana-mana sekatan yang tidak munasabah terhadap pergerakan pekerja; atau buruh paksa. Kita menghormati dan mematuhi semua undang-undang terpakai sepenuhnya yang menetapkan usia minimum untuk pekerjaan. Selain itu, Micron menghormati hak kita untuk bebas berpersatuan. Semua ahli pasukan bebas untuk menyertai — atau tidak menyertai — kesatuan buruh atau kumpulan pekerja lain. Untuk maklumat lanjut tentang pendirian kita terhadap hak asasi manusia, sila rujuk kepada Dasar Hak Asasi Manusia yang terdapat di laman web dasar global kita (alias: dasar/).

Pembekal kita memainkan peranan utama dalam membantu kita menguruskan rantaian bekalan global dengan cara yang bertanggungjawab dari segi sosial dan etika. Kita menegaskan kepada pembekal kita agar mengikut standard tinggi yang sama seperti kita. Ini bermakna kita menjangkakan pembekal kita akan menghayati dan mengikut Tatakelakuan ini dan Tatakelakuan RBA. Jika anda mengesyaki bahawa pelanggaran hak asasi manusia berlaku dalam rantaian bekalan kita, anda mempunyai tanggungjawab menyuarakannya.

S:

Suzi bekerja di kemudahan pembuatan Micron. Kemudahan tersebut kekurangan kakitangan kerana beberapa ahli pasukan telah mengambil cuti untuk meraikan cuti umum tempatan. Bagi mengisi kekosongan syif, pengurusnya telah meminta semua warga kerja bekerja lebih masa — lebih daripada yang sepatutnya. Suzi tahu bahawa aturan ini tidak betul, tetapi pengurusnya berjanji akan memberikan semua warga kerja cuti tambahan sebagai ganti nanti. Adakah Suzi patut bekerja lebih masa?

J:

Tidak. Suzi perlu memberitahu pengurus lain atau Sumber Manusia bahawa pengurusnya meminta dia bekerja lebih lama daripada yang sepatutnya. Kita tidak sepatutnya bekerja lebih lama daripada yang dibenarkan undang-undang, atau lebih daripada 60 jam seminggu tanpa keadaan luar biasa atau kecemasan. Kita mengikut semua undang-undang dan pengawalan terpakai yang berkaitan dengan waktu kerja dan keadaan semasa bekerja. Micron komited untuk mewujudkan tempat kerja yang semua warga kerja bekerja mengikut jumlah masa yang sepatutnya dan dibayar secara adil untuk kerja yang mereka lakukan.

Micron komited dalam menyediakan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi, tempat semua pekerja dilayan dengan adil dan hormat.

Keselamatan di Tempat Kerja Kita

Micron komited dalam menyediakan persekitaran kerja yang selamat kepada semua ahli pasukan. Ketika bekerja di kemudahan Micron, kita mesti mengikut peraturan keselamatan dan kesihatan yang terpakai kepada kita. Syarikat kita mematuhi semua undang-undang kesihatan dan keselamatan, serta bersama dasar kesihatan dan keselamatan Syarikat yang mungkin melangkaui perkara yang disyaratkan oleh undang-undang. Pematuhan ini termasuk standard dalam Tatakelakuan RBA. Secara khususnya, kita memenuhi standard RBA untuk keselamatan pekerjaan, kesediaan kecemasan, kecederaan dan penyakit akibat pekerjaan, kebersihan industri, kerja berat, perlindungan daripada mesin, kebersihan, makanan, perumahan dan kesihatan dan komunikasi keselamatan.

Komitmen Micron untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat bermaksud setiap warga kerja mesti berwaspada terhadap potensi risiko keselamatan dan kesihatan semasa kita bekerja. Amaran ini membolehkan kita menjangkakan bahaya dan mencegah kecederaan dan penyakit. Semua ahli pasukan, sesiapa sahaja yang bekerja bagi pihak Micron dan pekerja syarikat lain yang bekerja di premis kita mesti berwaspada dalam mendukung standard keselamatan tertinggi. Kita perlu berusaha menjadi contoh kepada semua warga kerja di sekeliling kita.

Untuk para penyelia, ini bermakna:

- Menganalisis tempat kerja secara aktif untuk menjangka dan mencegah bahaya, termasuk bahaya proses
- Menghalang tingkah laku kasual atau main-main apabila keselamatan terdedah kepada risiko
- Menggalakkan ahli pasukan mengenal pasti bahaya dan mengikut amalan kerja selamat
- Menguatkuaskan dasar, prosedur dan peraturan kerja yang telah diwujudkan
- Memastikan ahli pasukan dilatih secukupnya
- Memberi respons kepada laporan potensi bahaya tepat pada masanya

Untuk semua ahli pasukan, ini bermakna:

- Melaporkan potensi bahaya dengan segera kepada penyelia, tuan rumah atau jabatan Keselamatan anda
- Memakai kelengkapan perlindungan yang diperlukan semasa bertugas
- Berhati-hati dengan bahan kimia dan bahan lain yang mempunyai potensi bahaya
- Mematuhi semua peraturan dan prosedur keselamatan semasa mengendalikan dan menyelenggara jentera dan kelengkapan
- Memegang susur tangan ketika menaiki atau menuruni mana-mana tangga
- Menahan diri daripada melihat peranti mudah alih anda semasa berjalan di koridor, laluan, tangga dan kawasan letak kereta
- Mengikut semua garis panduan ergonomik
- Memberi respons dengan betul dalam keadaan kecemasan
- Melaporkan apa-apa kecederaan atau penyakit berkaitan kerja

Komitmen Micron untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat bermaksud setiap warga kerja mesti berwaspada terhadap potensi risiko keselamatan dan kesihatan semasa kita bekerja.



Bagi memastikan semua ahli pasukan kita selamat, kita tidak pernah terlibat dalam atau bertolak ansur dengan mana-mana bentuk keganasan. Ini termasuk ancaman dan tindakan ganas, serta ugutan, tingkah laku mengancam, membuli dan percubaan menerapkan rasa takut pada individu lain. Senjata tidak dibenarkan berada di tempat kerja. Jika anda percaya seseorang sedang berada dalam bahaya, sila hubungi bahagian sekuriti bangunan atau pihak berkuasa tempatan dengan segera.

Mengenai keselamatan, kita menegaskan kepada vendor, pembekal dan kontraktor agar mengikuti standard tinggi yang sama seperti kita. Ini bermakna kita menjangkakan pembekal kita akan menghayati dan mengikuti keperluan Tatakelakuan dan garis panduan RBA berkenaan kesihatan dan keselama tan.

Dasar Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar kita boleh didapati di laman web dasar global (alias: dasar/).

Dadah dan Alkohol

Micron komited dalam menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan produktif. Kita mahu mengambil tenaga kerja yang bebas daripada penggunaan dadah yang menyalahi undang-undang dan penyalahgunaan alkohol. Penyalahgunaan dadah mengehadkan keupayaan kita melakukan kerja kita dengan selamat. Oleh itu, kita tidak sesekali boleh bekerja semasa dalam keadaan khayal atau di bawah pengaruh alkohol, dadah terlarang, atau ubatan lain.

Di samping itu, apabila sedang bekerja atau semasa berada di premis Syarikat, kita tidak boleh menggunakan, memiliki, memindah atau menjual dadah yang dilarang, atau menyalahgunakan alkohol, dadah preskripsi atau ubatan yang dibeli di kedai.

Anda sentiasa dialu alukan untuk berbincang dengan pengurus anda mengenai apa-apa soalan. Walau bagaimanapun, sumber berikut cukup lengkap terutamanya untuk menangani kebimbangan tentang cara kita mewujudkan tempat kerja yang saling hormat menghormati dan selamat:

- Untuk isu berkaitan dengan gangguan atau diskriminasi, sila berbincang dengan Bahagian Hubungan Pekerja, pengurus anda, mana-mana naib presiden, Jabatan Undang-undang, atau hubungi Talian Utama Pematuhan kita.
 - Untuk kebimbangan keselamatan, sila hubungi bahagian Keselamatan.
 - Jika anda perhatikan yang ahli pasukan lain dalam keadaan khayal semasa bekerja, segera beritahu penyelia anda, Bahagian Sekuriti, Sumber Manusia, Hubungan Pekerja, atau hubungi Talian Utama Pematuhan dengan segera.
-

03

Bertindak Dengan Integriti untuk Syarikat Kita



Aset Micron

Setiap hari, kita menggunakan aset Micron untuk mencapai matlamat perniagaan dan memastikan kejayaan Syarikat kita. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk melindungi aset Micron dan menggunakannya dengan cekap. Aset Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Hartanah
- Inventori
- Kelengkapan dan bekalan
- Data dan masa komputer
- Maklumat sulit dan rahsia dagangan
- Masa dan kemahiran ahli pasukan semasa waktu bekerja

Kita tidak boleh menggunakan mana-mana aset Micron untuk tujuan yang tidak dibenarkan. Kecurian, kecuaian dan pembaziran telah memberi kesan langsung pada keuntungan Micron, oleh itu kita hendaklah sentiasa menggunakan aset Syarikat dengan bijak dan berhati-hati.

S:

Kadang kadang Isabel menggunakan kad kredit Syarikat untuk membayar barang runcit atau minyak keretanya. Dia tidak melakukannya dengan kerap dan dia menganggap Syarikat berhutang kepadanya untuk semua kerja lebih masa yang dia lakukan sejak kebelakangan ini. Adakah dia melakukan perkara dengan betul?

J:

Tidak, ini salah. Kita sepatutnya menggunakan aset Syarikat seperti kad kredit hanya sekadar yang kita perlukan untuk melakukan kerja kita. Tidak kira jumlah lebih kerja lebih masa yang dilakukan oleh Isabel, dia tidak sepatutnya menggunakan kad kredit Syarikat untuk perbelanjaan peribadinya.



Maklumat Sulit

Hak milik intelektual (IP) Micron ialah satu daripada asetnya yang paling berharga. IP termasuk paten, hak cipta, tanda dagangan, rahsia dagangan dan maklumat sulit dan proprietari Micron. Secara amnya, ini bermakna bahawa mana-mana maklumat yang tidak diluluskan untuk dikeluarkan kepada orang ramai, sepatutnya ia dianggap sebagai sulit dan perlu dikendalikan mengikut Dasar Klasifikasi Sulit dan Maklumat Micron boleh didapati di tapak lokasi dasar global kita (alias: dasar/).

Maklumat sulit boleh termasuk:

- Maklumat ahli pasukan, termasuk maklumat peribadi, perubatan atau kewangan yang sensitif, seperti manfaat, pampasan atau maklumat untuk dihubungi
- Dokumentasi reka bentuk
- Spesifikasi pembuatan dan produk
- Maklumat teknikal
- Maklumat kewangan
- Maklumat dan hala tuju produk baharu
- Penetapan harga, dasar penetapan harga, kos atau bajet pembuatan
- Maklumat tentang proses perniagaan Micron
- Senarai pelanggan dan pembekal serta maklumat untuk dihubungi
- Maklumat yang diamanahkan kepada Micron oleh pihak ketiga di bawah perjanjian ketakdedahan (NDA)

Bagi melindungi maklumat sulit Syarikat dan maklumat sulit yang telah diamanahkan oleh rakan niaga kita, kita hendaklah mengikuti garis panduan ini:

- Gunakan semua perlindungan yang sewajarnya untuk mengelakkan apa-apa kerugian, kemusnahan atau pendedahan maklumat sulit secara tidak sengaja.
- Jangan sesekali mendedahkan maklumat sulit kepada mana-mana individu yang bukan pekerja Micron tanpa NDA yang telah diluluskan oleh Jabatan Undang-undang.
- Hanya kongsi maklumat sulit dengan ahli pasukan lain sekiranya mereka mempunyai "perlu tahu" maklumat yang sah dan anda mempunyai kebenaran untuk berbuat demikian.
- Jangan hantar maklumat sulit kepada alamat e-mel peribadi, simpannya pada komputer peribadi, tablet atau peranti storan, atau memuat naik ke laman web perkongsian fail yang tidak diluluskan.
- Pastikan semua maklumat sulit—termasuk e-mel—dilabelkan dengan jelas sebagai "Sulit Micron" atau dengan label yang serupa.
- Jangan keluarkan maklumat sulit dari premis Syarikat tanpa kebenaran.
- Semasa melakukan perjalanan, pastikan komputer riba, beg bimbit dan semua harta benda Syarikat yang lain berada bersama anda sepanjang masa. Walaupun ketika berada di premis Micron, sila pastikan anda melindungi maklumat sensitif dan akaun e-mel dengan kata laluan apabila anda tidak menggunakanannya.
- Jangan berbincang maklumat berkaitan Syarikat dalam persekitaran awam seperti di lapangan terbang, koridor dan restoran. Sentiasa menganggap pihak ketiga sedang mendengar.

- Ambil langkah lebih berhati-hati ketika menyalin, menggunakan mesin faks atau membuang kertas, cakera, pemacu, pita audio atau harta benda Syarikat lain yang sensitif. Jangan buangnya di mana-mana tempat atau dalam apa-apa format yang maklumatnya boleh dipintas.
- Jika anda ternampak maklumat peribadi ahli pasukan atau maklumat sulit lain atas sebab keperluan kerja anda, berhati-hati dalam melindunginya daripada kehilangan atau kecurian. Gunakannya hanya setakat yang perlu untuk pekerjaan anda dan mengikut undang-undang.
- Lindungi maklumat sulit walaupun setelah pekerjaan anda dengan Micron berakhir.
- Jangan minta calon yang ditemu duga atau ahli pasukan mendedahkan maklumat sulit tentang bekas majikan atau majikan semasa mereka.

Maklumat tambahan berkenaan perlindungan dan klasifikasi maklumat sulit Micron boleh didapati dalam Dasar Sulit dan Klasifikasi Maklumat kita, Dasar Penggunaan Boleh Terima kita dan dasar global tertentu lain yang terdapat di laman web dasar global (alias: dasar/).

S:

Roberto dan Elise telah berusaha membangunkan pemacu dalam keadaan kukuh yang baharu. Pada suatu hari selepas bekerja, mereka membuat keputusan untuk keluar minum bersama di bar berhampiran. Mereka terus bercakap tentang idea mereka untuk pemacu baharu itu dengan cukup kuat sehingga orang lain boleh mendengarnya. Adakah mereka telah melakukan apa-apa kesalahan?

J:

Roberto dan Elise tidak sepatutnya membincangkan produk dalam pembangunan — atau apa-apa maklumat sulit lain Syarikat — di tempat awam yang orang lain boleh mendengarnya. Maklumat tersebut mungkin sampai kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dan kita boleh kehilangan daya saing kita.

Hak Milik Intelektual Pihak Ketiga

Sama seperti kita menghormati dan melindungi hak IP Syarikat, kita juga perlu menghormati hak IP syarikat lain. Perkara ini bermakna kita mesti:

- Jangan sesekali menggunakan atau mendedahkan kepada sesejapa di luar Micron, maklumat sulit yang diberikan kepada kita oleh pelanggan, vendor, pembekal, kontraktor atau pihak ketiga lain, kecuali dengan pematuhan ketat dengan terma NDA atau perjanjian pendedahan sulit yang berkenaan.
- Jangan sesekali menyalin maklumat daripada internet atau mana-mana sumber lain tanpa kebenaran daripada pemilik hak cipta atau kelulusan daripada Jabatan Undang-undang.
- Jangan sesekali menonton atau menstrim video atau muzik dari laman web yang tidak dibenarkan.
- Jangan memuatkan atau memasang perisian ke komputer atau peranti Micron, kecuali melalui pemasang yang diluluskan Micron atau dengan kebenaran daripada Jabatan Undang-undang.
- Jangan sesekali mengandaikan bahawa, hanya kerana dokumen, foto atau video tidak mempunyai simbol hak cipta, ia bebas digunakan.
- Sentiasa mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Komunikasi & Pemasaran Global sebelum menggunakan tanda dagangan atau nama jenama baharu.
- Sila rujuk dengan Kumpulan Pembangunan Paten di Jabatan Undang-undang untuk soalan tentang paten.
- Semak dengan Jabatan Undang-undang berkenaan apa-apa soalan tentang hak penggunaan IP bukan Micron.



S:

Baru baru ini, Yukiko telah diambil bekerja oleh Micron. Sebelum ini, dia pernah bekerja dengan satudaripada syarikat pesaing kita, yang pada masa itu, dia bertanggungjawab untuk membangunkan rancangan pemasaran media sosial untuk peranti memori flash yang terkini. Bolehkah dia berkongsi maklumat tentang rancangan pemasaran media sosial dengan rakan sekerjanya yang baharu supaya mereka dapat membangunkan strategi berdaya saing untuk Micron?

J:

Tidak, Yukiko tidak boleh berkongsi maklumat ini dengan rakan sekerja Micron yang baharu. Sama seperti kita semua mempunyai tanggungjawab melindungi maklumat sulit Micron, kita juga mesti melindungi maklumat yang dimiliki oleh pihak ketiga termasuk majikan terdahulu. Yukiko boleh memberi bantuan terbaik kepada Micron dengan bekerja bersama pasukannya untuk mewujudkan rancangan pemasaran baharu dan unik yang akan memperkenalkan produk kita.

Sistem Teknologi

Kita semua bertanggungjawab menggunakan rangkaian dan sistem komputer Syarikat kita secara beretika dan sah dari segi undang-undang. Walaupun kita boleh menggunakan sistem ini secara peribadi dan sampingan, Syarikat berhak memantau penggunaan kita, kecuali jika dilarang oleh undang-undang tempatan. Perkara ini termasuk akaun esuara Syarikat, serta semua dokumen elektronik pada komputer riba Syarikat dan peranti mudah alih lain. Kita tidak boleh sesekali menggunakan rangkaian dan sistem komputer Syarikat untuk tujuan yang tidak dibenarkan, menyalahi undang atau tidak beretika atau memuat turun bahan bersifat seksual yang tidak senonoh atau eksplisit. Selain itu, kita mesti melaporkan dengan segera mana-mana pelanggaran se kuriti rangkaian atau sistem komputer Syarikat kita yang disyaki atau diketahui.

Maklumat tambahan berkenaan dasar Syarikat kita yang berkaitan dengan sistem rangkaian dan komputer boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/), termasuk Dasar Penggunaan Boleh Terima, Dasar Pengurusan Akses, Dasar Sekuriti Maklumat Perusahaan, Dasar Sekuriti Fizikal IT dan Alam Sekitar, Dasar Sekuriti Komunikasi Rangkaian, Dasar Akses Tapak Lokasi dan Sistem untuk Bekas Pekerja dan Pekerja Usaha Sama (JV) dan Dasar Pengurusan Operasi Sistem.

Privasi

Kita semua mesti melindungi maklumat peribadi ahli pasukan, pelanggan dan rakan niaga kita yang lain dengan perlindungan pentadbiran, teknikal dan fizikal yang wajar. Jika kita mempunyai akses kepada maklumat peribadi, kita mesti bertindak dengan budi bicara dan profesionalisme dan sentiasa mengikut dasar dan protokol sekuriti Syarikat. Apabila mengendalikan maklumat peribadi, kita perlu mematuhi terma perjanjian kerahsiaan peribadi kita dan peraturan Syarikat kita. Kita juga perlu mematuhi dasar Micron, termasuk notis privasi yang disiarkan di micron.com dan crucial.com. Di samping itu, jabatan tertentu yang menangani maklumat peribadi juga boleh mempunyai dasar dan prosedur yang berkaitan dengan maklumat peribadi. Untuk maklumat lanjut, sila berbincang dengan wakil jabatan.

Jika seseorang dari luar Micron meminta maklumat peribadi tentang ahli pasukan, sila rujuk mereka kepada Jabatan Sumber Manusia. Selain itu, anda perlu merujuk dengan Jabatan Undang-undang sebelum menghantar maklumat peribadi kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang baharu.

Maklumat tambahan berkenaan dasar Syarikat kita yang berkaitan dengan privasi boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/), termasuk Dasar Perlindungan Data Kesatuan Eropah (EU) dan Dasar Perlindungan Privasi.

Selain pengurus anda, anda boleh berbincang dengan individu lain untuk mendapatkan panduan tentang cara melindungi aset Micron.

- Untuk soalan tentang harta intelektual dan maklumat sulit, sila berbincang dengan Jabatan Undang-undang.
 - Untuk maklumat tentang cara mengendalikan maklumat peribadi ahli pasukan dengan betul atau permintaan dari luar Syarikat tentang ahli pasukan, sila hubungi Jabatan Sumber Manusia.
-



Konflik Kepentingan

Kita sentiasa bertanggungjawab untuk bertindak demi kepentingan Syarikat kita. Bagi mendukung reputasi untuk integriti, kita mesti berwaspada terhadap apa-apa situasi yang boleh mewujudkan konflik kepentingan. Konflik kepentingan timbul apabila kita mempunyai kepentingan peribadi atau persendirian (kewangan atau sebaliknya) yang boleh — atau boleh dianggap — mengganggu tanggungjawab kita untuk bertindak demi kepentingan terbaik Micron. Konflik juga boleh timbul apabila kepentingan peribadi kita menguji objektif atau kesetiaan kita terhadap Micron, mengganggu prestasi kerja kita atau bersaing dengan kepentingan Micron.

Agak sukar untuk cuba menggambarkan setiap situasi yang boleh menimbulkan konflik kepentingan. Walau bagaimanapun, beberapa konflik kepentingan yang lebih lazim digariskan di bawah.

Menjalankan Perniagaan Dengan Ahli Keluarga

Konflik kepentingan boleh timbul sekiranya anda, saudara terdekat atau rakan rapat mempunyai kepentingan peribadi (seperti pekerjaan atau pelaburan) dalam syarikat yang merupakan vendor, pembekal, kontraktor, pelanggan, wakil, pengedar atau pesaing Micron. Perkara ini boleh menimbulkan masalah kerana kepentingan peribadi kita, atau kepentingan keluarga atau rakan kita, mungkin berbeza berbanding Micron.

Saudara terdekat termasuk mana-mana yang berikut:

- Pasangan
- Pasangan serumah
- Ibu bapa atau ibu bapa tiri
- Anak
- Anak tiri
- Adik-beradik kandung dan tiri
- Anak saudara
- Ibu dan bapa saudara
- Datuk dan nenek
- Cucu
- Keluarga mentua

Jika anda berada dalam satu daripada situasi ini, anda tidak boleh menggunakan jawatan anda di Micron untuk mempengaruhi keputusan perniagaan, seperti proses pembidaan atau rundingan, dalam apa jua cara sekalipun.

*Bagi mendukung reputasi untuk integriti,
kita mesti berwaspada terhadap apa-apa situasi
yang boleh — atau dianggap sebagai boleh —
mengganggu tugas kita untuk bertindak demi
kepentingan terbaik Micron.*

Hubungan di Tempat Kerja

Hubungan intim, romantik atau keluarga terdekat antara ahli pasukan dalam rantaian pelaporan yang sama boleh mewujudkan konflik kepentingan sebenar atau berpotensi, membawa tanggapan berat sebelah atau pilih kasih, menjelaskan prestasi pekerjaan dan memberi kesan buruk kepada ahli pasukan lain.

Melainkan jika Naib Presiden Kanan, Sumber Manusia, telah diberitahu dan memberi persetujuan secara bertulis, ahli pasukan yang mempunyai hubungan intim, romantik, atau hubungan keluarga terdekat dengan ahli pasukan lain: tidak dibenarkan berada di mana-mana peringkat sama ada di atas atau di bawah ahli pasukan lain dalam rantaian pelaporan, mungkin tidak boleh berada dalam peranan yang perlu bekerja dengan kerap dan rapat dengan ahli pasukan lain, atau mungkin tidak dibenarkan memegang peranan yang mempengaruhi penilaian prestasi, pampasan atau terma dan syarat pekerjaan ahli pasukan lain.

Terdapat peraturan tambahan untuk pasukan eksekutif kita. Melainkan jika Naib Presiden Kanan, Sumber Manusia, telah diberitahu dan memberi persetujuan secara bertulis, ahli pasukan di peringkat naib presiden atau lebih tinggi tidak boleh mempunyai hubungan intim, romantik, atau hubungan keluarga terdekat dengan ahli pasukan lain: di mana-mana peringkat, di dalam mana-mana organisasi.

Ahli pasukan mesti memberitahu Sumber Manusia dengan segera apabila mereka menyedari bahawa mereka mempunyai (atau akan mempunyai) hubungan intim, romantik atau hubungan keluarga terdekat dengan mana-mana ahli pasukan yang bekerja secara langsung atau tidak langsung di bawah penyeliaan mereka atau yang ke atasnya mereka mempunyai kuasa membuat keputusan berkenaan pengambilan pekerja, penilaian prestasi, pengekalan, kemajuan, kenaikan pangkat, atau perubahan kepada pampasan atau manfaat.

Rujuk kepada Buku Panduan Ahli Pasukan Global untuk panduan tambahan mengenai hubungan di tempat kerja.

S:

Shawna ialah pengarah kanan di jabatan kewangan kita. Baru-baru ini, adik lelaki Shawna, Oliver, telah diambil bekerja sebagai pakar sokongan IT dan kemudian ditugaskan untuk menyokong kumpulan kewangan yang diuruskan oleh kakaknya. Perlukan Shawna atau Oliver melaporkan hubungan keluarga terdekat mereka kepada Sumber Manusia?

J:

Ya. Perkara tersebut disebabkan keadaan ini akan memerlukan mereka (adik lelaki dan kakak) bekerja dengan kerap dan rapat antara satu sama lain, mereka perlu mendedahkan hubungan keluarga terdekat mereka kepada Sumber Manusia. Jika ahli pasukan yang terlibat membangkitkan isu hubungan tempat kerja dengan serta-merta, maka Naib Presiden Kanan Sumber Manusia akan mengkaji semula dan menentukan sama ada memberi persetujuan ke atas situasi tersebut. Jika persetujuan tidak diberikan, maka Micron akan cuba secara umumnya menyesuaikan pengubahsuaian struktur pelaporan atau tugas kerja yang diperlukan oleh perniagaan. Walau bagaimanapun, Micron mempunyai budi bicara untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengurangkan atau membetulkan isu yang berpotensi berkaitan dengan hubungan yang didedahkan, termasuk penugasan semula atau penamatkan pekerjaan.

Pekerjaan Luar

Aktiviti kita selain daripada kerja di Micron tidak boleh mewujudkan konflik kepentingan, memberi kesan negatif atau menjaskan prestasi kerja kita di Micron, atau mengambil terlalu banyak masa dan perhatian yang kita dijangka menumpukan pada tugasan kita untuk Syarikat. Di samping itu, kita tidak boleh menggunakan kelengkapan, kemudahan atau bekalan korporat untuk aktiviti luar tanpa kelulusan terlebih dahulu, kecuali bagi penggunaan terhad yang tidak ketara. Seterusnya, anda mesti berhati-hati sekiranya terdapat peluang pekerjaan luar kerana jawatan anda dalam Syarikat. Jika anda atau ahli keluarga mahu menerima apa-apa peluang pekerjaan luar semasa anda bekerja di Micron, anda mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum semasa anda bekerja di Micron, anda mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum meneruskannya.

Pelaburan dalam Syarikat Lain

Sebagai ahli pasukan Micron, kita perlu berhati-hati agar pelaburan kita dan pelaburan saudara terdekat dan rakan rapat tidak mewujudkan konflik kepentingan atau menghalang keupayaan kita membuat keputusan yang objektif untuk Micron. Apa-apa kepentingan yang besar dalam pesaing, pembekal atau pelanggan memerlukan kelulusan awal terlebih dahulu. Kepentingan besar ialah mana-mana kepentingan ekonomi yang mungkin mempengaruhi atau dilihat boleh mempengaruhi pertimbangank ita.

Sesetengah pelaburan tidak dibenarkan langsung. Sebagai contoh, jika anda terlibat dalam pemilihan atau rundingan dengan pembekal atau pelanggan atau anda menyelia seseorang yang memiliki, anda mungkin tidak memiliki pelaburan yang besar dalam syarikat tersebut. Begitu juga, anda tidak sepatutnya menjalankan perniagaan bagi pihak Micron dengan mana-mana syarikat yang anda mempunyai kuasa membuat keputusan. Sebaliknya, dana bersama, dana indeks dan pelaburan serupa yang didagangkan secara umum, biasanya tidak menyebabkan konflik kerana pelabur individu tidak mempunyai hak menentukan pelaburan.



Peluang Kewangan

Kita boleh berada dalam situasi yang boleh mendarangkan konflik untuk merebut peluang kewangan khusus dengan menggunakan maklumat yang diperoleh semasa kita bekerja di Micron. Untuk membuat keputusan perniagaan yang objektif bagi pihak Micron, kita perlu berhati-hati apabila melibatkan diri dalam situasi yang boleh menyebabkan kita sendiri bersaing dengan Syarikat kita. Kita tidak boleh mengambil apa-apa peluang perniagaan atau kewangan untuk diri sendiri yang kita ketahui melalui jawatan kita di Micron atau melalui maklumat proprietari Syarikat.

Keahlian Lembaga Pengarah

Perkhidmatan oleh ahli pasukan Micron dalam lembaga pengarah syarikat untuk keuntungan boleh menimbulkan konflik kepentingan sebenar atau yang berpotensi. Sebelum menerima tawaran untuk berkhidmat dalam lembaga pengarah mana-mana syarikat untuk keuntungan, anda mesti mendedahkan tawaran tersebut secara bertulis kepada penyelia langsung dan Naib Presiden paling kanan dalam rantaian pelaporan anda dan menghantar borang pendedahan Konflik Kepentingan (Borang COI) kepada bahagian Pematuhan & Etika (Borang COI boleh didapati di MicronNow, alias: CEC). Kelulusan bertulis daripada Naib Presiden kanan dan tandatangan persetujuan oleh bahagian Pematuhan & Etika pada Borang COI anda mesti diperoleh sebelum anda menerima tawaran untuk berkhidmat dalam lembaga pengarah syarikat untuk keuntungan. Kelulusan tambahan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Pematuhan Micron diperlukan untuk perkhidmatan dalam lembaga pengarah mana-mana syarikat dagangan awam, atau mana-mana syarikat yang merupakan pembekal atau pelanggan Micron (sama ada syarikat dagangan awam atau bukan). Hanya Naib Presiden Kanan Micron dan ke atas boleh berkhidmat dalam lembaga pengarah syarikat dagangan awam.

Jika anda diminta berkhidmat dalam lembaga pengarah organisasi luar sebagai wakil Micron, anda perlu memastikan bahawa mana-mana konflik kepentingan yang berpotensi, didedahkan dan diluluskan dengan betul mengikut proses yang diuraikan di atas. Anda perlu juga mendedahkan apa-apa pampasan yang anda akan terima kepada bahagian Pematuhan & Etika pada Borang COI - anda mungkin terpaksa memberikannya kepada Syarikat. Jika anda berada dalam mana-mana lembaga pengarah pada masa anda menyertai Micron, anda perlu mendedahkannya kepada penyelia dan Naib Presiden paling kanan dalam rantaian pelaporan anda dan menghantar Borang COI kepada bahagian Pematuhan & Etika, serta ikuti bimbingan mereka.

Micron menggalakkan kita melibatkan diri bersama komuniti kita dengan berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah entiti bukan untuk keuntungan seperti badan amal, kumpulan komuniti, sekolah dan organisasi lain yang serupa. Walau bagaimanapun, kita sepatutnya menyertai lembaga pengarah bukan untuk keuntungan ini di luar tugas kerja di Micron hanya dengan menggunakan sumber sendiri dan bukan sebagai wakil Micron. Jika dalam organisasi bukan untuk keuntungan luar yang anda terlibat sama ingin menerima sumber, sokongan Micron atau penglibatan lain Syarikat di luar penyertaan anda, sila hubungi pihak Yayasan Micron terlebih dahulu.

Mendedahkan Potensi Konflik

Jika anda percaya anda mempunyai konflik kepentingan (atau konflik yang berpotensi atau boleh dilihat sebagai konflik), laporkannya dengan segera kepada bahagian Pematuhan & Etika pada Borang COI (alias: CEC) dan beritahu pengurus jabatan, naib presiden atau pengurus tapak lokasi; jabatan Sumber Manusia (HR); Naib Presiden Pematuhan & Kelestarian; atau Ketua Pegawai Pematuhan anda untuk mendapatkan kelulusan atau bimbingan yang diperlukan. Dengan cara ini, situasi boleh dikaji semula dengan betul dan dikendalikan mengikut dasar konflik kepentingan Syarikat kita. Ahli pasukan juga mungkin diminta mendedahkan secara berkala sama ada mereka mempunyai, atau mengetahui, mengenai pelaburan atau hubungan peribadi atau profesional yang boleh menimbulkan konflik kepentingan.

04 Bertindak Dengan Integriti untuk Pasaran Kita



Kualiti Produk

Selaras dengan nilai teras kita “Tumpuan Pelanggan,” Micron menyediakan produk dan perkhidmatan terbaik dalam kelasnya yang memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan kita. Kita mematuhi semua proses kawalan kualiti dalaman dan mengikut spesifikasi produk dan pelanggan sepanjang masa. Kita mengikut semua undang-undang dan pengawalan berkaitan dengan pembuatan, reka bentuk, komposisi bahan, penyumberan bahan, pengujian, pembungkusan, penyimpanan, pengendalian, pelabelan dan penghantaran produk dengan tegas. Jika penarikan balik produk dirasakan perlu, kita pastikan yang kita mematuhi semua prosedur, undang-undang dan pengawalan berkenaan. Dengan berbuat demikian, kita memberikan nilai tertinggi kepada pelanggan kita. Dasar Kualiti Global kita terdapat di laman web dasar global (alias: dasar/).

Jangkaan Pembekal Kita

Micron menjangkakan pembekal kita dapat memenuhi standard prestasi beretika yang tinggi dalam semua interaksi perniagaan mereka. Kita menegaskan kepada pembekal kita supaya berpegang kepada Tatakelakuan dan standard tingkah laku beretika kita. Di samping itu, pembekal kita mesti mengikut standard Perikatan Perniagaan Yang Dipertanggungjawab (RBA) ke atas buruh, kesihatan, keselamatan, alam sekitar, etika dan sistem pengurusan — tanpa mengambil kira undang-undang atau adat resam tempatan.

Syarikat kita juga mengiktiraf bahawa profesionalisme dan integriti rakan niaga kita akhirnya memberi kesan kepada kualiti produk dan hubungan kita dengan pelanggan. Pembekal kita dijangka memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang mereka berikan kepada kita adalah selaras dengan spesifikasi kontrak, undang-undang dan pengawalan yang terpakai. Jika anda menyedari bahawa pembekal kita tidak memenuhi standard Tatakelakuan RBA untuk produk, operasi atau proses mereka, anda perlu melaporkannya kepada Perolehan Global dengan segera.

Selain itu, kita komited untuk menyumberkan bahan kita secara beretika dan sah dari segi undang-undang. Ini bermakna kita melaksanakan usaha wajar yang betul ke atas rantaian bekalan produk kita. Antara lain, kita mengenal pasti dan menangani mana-mana konflik penyumberan mineral yang secara langsung atau tidak langsung menyokong keganasan awam atau pencabulan hak asasi manusia di Republik Demokratik Congo (DRC) atau negara jirannya. Dasar Mineral Konflik kita terdapat di laman web dasar global (alias: dasar/).

Micron menjangkakan pembekal kita memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang mereka berikan kepada kita adalah selaras dengan semua spesifikasi kontrak, undang-undang dan pengawalan yang terpakai.

Pembekal kita ialah kunci untuk menguruskan rantaian bekalan global kita dengan cara yang bertanggungjawab dari segi sosial dan etika. Micron menggunakan prosedur pemantauan dan pengauditan untuk memastikan bahawa pembekal kita mengekalkan standard kita yang tinggi. Jika anda mengesyaki bahawa berlaku pelanggaran hak asasi manusia atau pelanggaran lain dalam rantaian bekalan Micron, anda mempunyai tanggungjawab untuk bersuara mengenainya.

S:

Elijah sedang memuktamadkan kontrak dengan pembekal yang menyediakan bahan yang mengandungi mineral konflik dan digunakan untuk membuat beberapa produk paling laris kita, pada harga paling menarik. Belanjawannya terhad dan dia terlewat daripada yang dijadualkan, oleh itu dia berjaya memperoleh bahan tersebut daripada pembekal tanpa mengikut proses kelulusan vendor Micron. Dia juga tidak mengendahkan usaha wajar mineral konflik Micron. Bagi Elijah, tugasnya ialah untuk membawa produk ke pasaran mengikut jadual pada kos yang paling rendah, tanpa mengambil kira apa-apa objektif atau proses lain. Adakah dia melakukan perkara yang betul?

J:

Tidak. Di Micron, kita komited untuk melindungi hak asasi manusia dalam rantaian bekalan kita, oleh itu kita mengambil semua langkah yang perlu untuk mematuhi undang-undang dan dasar Micron bagi memastikan bahawa bahan yang kita gunakan untuk membuat produk kita tidak menyokong keganasan awam atau pencabulan hak asasi manusia di DRC atau negara jiran. Bagi memenuhi komitmen ini, kita mesti mengikut semua prosedur usaha wajar pembekal dengan tegas. Kita tidak boleh mengambil jalan pintas atau cuba berjimat beberapa ringgit sekiranya ia boleh mengganggu prinsip kita.

Kelakuan Adil dalam Pasaran

Kita berusaha menyediakan kepada pelanggan pelbagai pilihan barang pada harga berpatutan. Untuk melakukan ini, kita mematuhi sepenuhnya undang-undang persaingan adil Amerika Syarikat dan negara lain, tempat kita menjalankan perniagaan. Undang-undang persaingan adil memastikan bahawa perniagaan di pasaran bersaing atas dasar kualiti dan integriti — jangan sesekali menyertai amalan tidak adil dan antipersaingan seperti penetapan harga; pengelakan cukai; pembahagian pasaran, pelanggan atau pembekal; mengikat dan menggabungkan atau mana-mana perjanjian lain yang akan membataskan persaingan secara tidak adil. Walaupun jika tiada perjanjian bertulis atau lisan untuk melanggar undang-undang wujud, perjanjian yang tidak sah dari segi undang-undang masih boleh disimpulkan daripada tingkah laku kita. Perkara yang tidak boleh diterima ialah membuat perjanjian dengan pesaing kita secara tidak wajar bagi mengekang perdagangan — atau menunjukkan tanggapan bahawa kita telah melakukannya. Bagi mengelakkan daripada tanggapan tidak wajar, kita perlu mengelak daripada membincangkan mana-mana topik berikut dengan pesaing kita:

- Penetapan harga, terma kredit atau syarat jualan produk
- Rancangan berkenaan pelanggan
- Dasar harga, rancangan atau strategi pembidaan
- Rancangan pemasaran
- Menyekat output, seperti jumlah pengeluaran
- Diskaun dan promosi
- Membahagikan pasaran, wilayah (seperti wilayah jualan) atau pelanggan
- Inventori dan keupayaan
- Sama ada atau cara berurusan dengan pelanggan atau pembekal

Kita perlu memperoleh prakelulusan daripada Jabatan Undang-undang sebelum melibatkan diri dalam mana-mana urusan perniagaan dan komunikasi berikut, kerana ia mungkin tidak wajar:

- Memasuki pengaturan kerjasama dengan pesaing
- Mewujudkan urusan eksklusif
- Mengikat atau menggabungkan produk berbeza bersama
- Memasuki perjanjian “keperluan” atau eksklusif
- Menetapkan harga jualan semula dengan penjual semula

Kita juga perlu berhati-hati apabila menyertai mesyuarat persatuan perdagangan atau berkomunikasi melalui persatuan tersebut. Jika sesiapa cuba membincangkan apa-apa topik yang tersenarai di atas, kita mesti menghentikan perbincangan dengan segera, meninggalkan mesyuarat dan melaporkannya kepada Jabatan Undang-undang. Dengan membuat bantahan kita terhadap perbualan antipersaingan jelas dan nyata, kita boleh melindungi diri dan Syarikat kita daripada tuduhan aktiviti antipersaingan.

S:

Semasa konvensyen perdagangan, Jason bertemu rakannya, Zach, yang bekerja sebagai wakil jualan untuk satu dari syarikat pesaing Micron. Zach memberitahu Jason, “Sukar membuat keuntungan apabila harga begitu berdaya saing. Saya berharap, ada cara kita boleh menetapkannya.” Jason hanya mengangkat bahu dan tersengih. Zach mengangguk, menunjukkan isyarat ibu jari ke atas dan berkata, “Bagus. Dengan cara ini, kita sama-sama menang.” Adakah Jason melakukan perkara yang salah?

J:

Nampaknya Zach seperti mencadangkan bahawa dia dan Jason perlu menaikkan harga mereka antipersaingan yang menyalahi undang-undang yang dikenali sebagai penetapan harga. Dengan tidak menyuarakan bantahan terhadap idea ini, Jason mungkin memberikan gambaran bahawa dia bersetuju dengan rancangan Zach. Perkara ini boleh membawa masalah serius kepada Jason dan Micron. Sebaliknya, dia sepatutnya menolak untuk bercakap tentang penetapan harga, meninggalkan perbincangan itu dan melaporkannya dengan segera kepada Jabatan Undang-undang.

Pelanggaran undang-undang persaingan boleh mengakibatkan hukuman sivil dan jenayah berat kepada Syarikat kita dan individu. Seperti kebanyakan undang-undang dan pengawalan global, undang-undang persaingan adalah rumit dan berbeza mengikut negara. Setiap warga kerja perlu memastikan bahawa kita memahami undang-undang negara tempat kita bekerja dan menyedari bahawa tingkah laku yang berlaku di luar Amerika Syarikat masih boleh tertakluk kepada undang-undang Amerika Syarikat.

Mengumpul dan Menggunakan Maklumat Pesaing Secara Beretika

Untuk bersaing di pasaran, kita perlu memahami arah aliran industri. Ini termasuk mengikuti perkembangan terkini tentang tawaran pesaing kita kepada pelanggan di pasaran. Walau bagaimanapun, kita perlu hanya mengumpul dan menggunakan maklumat tentang pesaing kita dengan adil, sah dari segi undang-undang dan beretika. Secara amnya, ini bermakna mengumpul maklumat tersebut hanya daripada sumber umum yang tersedia, seperti pelanggan, pemfailan awam, sumber berita atau tinjauan industri dan laporan.

Kita tidak boleh memperoleh maklumat bukan umum melalui aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti pengintipan industri atau meminta pekerja dan kontraktor semasa dan bekas pekerja atau kontraktor pesaing mendedahkan data sulit. Sebagai contoh, kita tidak boleh mengumpul maklumat daripada rekod yang dibawa oleh pekerja baharu daripada majikan terdahulu. Selain itu, kita tidak boleh menggunakan maklumat tentang cadangan atau produk berdaya saing yang telah diberikan kepada rakan kongsi, pembekal, pelanggan atau sesiapa sahaja dengan pemahaman yang mereka akan menganggapnya sebagai sulit. Kita juga tidak boleh mengekalkan pihak ketiga untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut bagi pihak kita.

Undang-undang persaingan adalah rumit dan itu boleh timbul dalam pelbagai keadaan. Semak semula Manual Pematuhan Antitrust yang terdapat di laman web dasar global kita (alias: dasar/), untuk penjelasan lanjut tentang pelbagai undang-undang dan keadaan yang berkaitan dengan ahli pasukan Micron.

Untuk panduan tentang undang-undang persaingan atau melaporkan tingkah laku antipersaingan, hubungi pengurus anda atau Jabatan Undang-undang.

Kita hanya perlu mengumpul dan menggunakan maklumat tentang pesaing kita dengan adil, sah dari segi undang-undang dan beretika.



Menghormati Pelanggan Kita

Selaras dengan nilai teras “Tumpuan Pelanggan” kita, ahli pasukan dijangka bertindak dengan integriti epanjang masa, termasuk dalam semua urusan kita dengan pelanggan kita. Dalam semua aktiviti perniagaan, kita perlu bertindak mengikut undang-undang, pengawalan dan dasar Syarikat yang berkenaan. Kita berurusan secara jujur dengan semua pelanggan dan tidak pernah memberi gambaran yang salah tentang produk kita. Kita tidak boleh mengambil kesempatan yang tidak adil terhadap ahli pasukan atau pekerja, pembekal, pelanggan, pesaing Micron atau syarikat lain. Untuk mencapai matlamat ini, kita tidak boleh terlibat dalam manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat istimewa atau sulit, salah nyata fakta penting atau amalan tidak adil lain.

Jualan dan Bahan Pemasaran yang Jujur

Reputasi Micron ialah satu daripada aset paling penting kepada kita. Untuk melindungi kepercayaan pelanggan terhadap kita, ak pemasaran dan jualan kita mesti sentiasa adil, jujur dan tepat. Apabila kita membuat suatu pernyataan tentang produk, ia mesti dijelaskan dengan benar dan kita mesti boleh membuktikannya.

Amat penting bahawa kita mematuhi undang-undang dan pengawalan pengiklanan berkenaan sepanjang masa dengan mengikuti dasar dalaman dan prosedur Syarikat.

Hadiah dan Keraian

Di Micron, kita menghargai hubungan yang bertahan lama dengan vendor, pembekal, pelanggan dan rakan niaga yang lain. Semasa urusan biasa perniagaan, kita boleh menawarkan atau menerima hadiah dan keraian sebagai cara mengekalkan semangat muhibah dalam hubungan itu. Walau bagaimanapun, kita mesti berhati-hati bahawa mana-mana pertukaran ihsan perniagaan adalah profesional dan wajar serta tidak mewujudkan tanggapan konflik kepentingan.

Hadiah boleh menjadi apa-apa yang bernilai — seperti, barang ketara, jamuan makan, percutian, hadiah, tiket, pengendorsan, penggunaan kemudahan percutian, saham atau sekuriti lain, atau pengangkutan.

Keraian ialah jamuan makan atau acara yang dihadiri oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, jika rakan niaga menawarkan anda akses kepada acara seperti ini (sebagai contohnya, tiket) tetapi tidak hadir bersama anda, maka ia dianggap sebagai hadiah dan peraturan hadiah yang ketat seperti yang diperuntukkan di bawah dilkuatkuasakan.

Apabila menawarkan atau menerima hadiah, kita mesti memastikan bahawa ia:

- Tanpa diminta
- Tidak kerap
- Lazim dan menarik
- Nilai yang munasabah
- Bukan dalam bentuk tunai atau yang setara dengannya (seperti kad hadiah atau baucar)
- Untuk tujuan perniagaan
- Mematuhi perjanjian, undang-undang dan pengawalan berkenaan
- Boleh diterima di bawah dasar hadiah Micron dan penerima atau standard syarikat yang diketahui

Walaupun kita memberi atau menerima hadiah yang memenuhi kriteria di atas, kita masih perlu berhati-hati apabila saling bertukar ihsan. Apa-apa item jatuh di luar garis panduan di atas hendaklah ditolak dengan bersopan. Jika hadiah tidak dapat dikembalikan atau akan menimbulkan masalah, ia perlu diserahkan kepada Micron untuk kegunaan, jualan atau derma Syarikat.

Kita mesti berhati-hati agar mana-mana pertukaran budi bicara perniagaan adalah profesional dan wajar serta tidak mewujudkan tanggapan konflik kepentingan.

Di samping tambahan kepada garis panduan di atas, keraian perniagaan mesti memenuhi beberapa kriteria tambahan. Kita boleh menawarkan atau menerima keraian perniagaan hanya jika ia:

- Berlaku dalam suasana yang sesuai untuk perbincangan perniagaan
- Tidak melanggar komitmen Micron ke arah saling hormat-menghormati
- Tanpa diminta, bermakna bahawa penerima tidak pernah meminta atau mencadangkannya
- Tidak menetapkan standard yang tidak munasabah atau kelihatan tidak munasabah kepada ahli pasukan lain
- Tidak akan mempengaruhi kita untuk bertindak dengan cara yang bukan dalam kepentingan terbaik Micron

Perlu dijelaskan bahawa kelab tarian bogel, kelab pelayan wanita dan lelaki dan semua institusi yang serupa dengannya tidak dianggap wajar untuk perbincangan perniagaan.

Perlu diingatkan bahawa kita mesti mengikut undang-undang yang lebih ketat apabila menawarkan hadiah, jamuan makan atau keraian kepada pegawai kerajaan. Untuk sebab ini, kita tidak boleh menawarkan atau memberikan hadiah, ganjaran atau keraian kepada pegawai kerajaan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada jabatan Pematuhan. Laman web Pematuhan & Etika kita (alias: CEC/) mengandungi borang yang perlu digunakan untuk meminta kelulusan sebelum menawarkan atau memberikan apa-apa kepada pegawai kerajaan, tanpa mengambil kira bentuk atau nilai. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada bahagian "Penyogokan dan Rasuah" di bawah.

Bolehkah saya terima?

Tiket ke Piala Dunia

Mungkin tidak boleh. Tiket ini mahal — dan ia boleh menyebabkan anda menjadi berat sebelah kepada rakan niaga ini. Anda mesti mendapatkan kelulusan daripada pengurus jabatan atau pasukan Pematuhan & Etika sebelum menerimanya.

Kemeja-T dan pen mata bulat bersama logo pembekal di atasnya

Ya boleh, kerana item ini memenuhi semua garis panduan kita. Barang ini dianggap sebagai hadiah nominal dan tidak memerlukan kelulusan.

Baucar untuk menempatkan anjing anda di rumah anjing setempat selama seminggu, sijil hadiah untuk sesi yoga secara percuma, atau kad hadiah bernilai \$20 untuk pergi ke kedai kopi kegemaran anda

Tidak boleh, kerana baucar, sijil hadiah atau kad hadiah dianggap sebagai bersamaan dengan wang tunai. Kita tidak dibenarkan menerima hadiah wang tunai.

Bakul hadiah buah-buahan dan keju yang anda boleh kongsi dengan rakan sekerja

Ya boleh, dengan syarat ia tidak begitu mahal dan secara idealnya dikongsi bersama rakan sekerja.

Sampul surat bersama wang tunai atau kad hadiah

Tidak boleh, kerana kita tidak dibenarkan menerima hadiah wang tunai atau yang bersamaan dengannya.

Perlu diingatkan bahawa sesetengah jabatan dan unit perniagaan mempunyai peraturan yang lebih ketat tentang hadiah dan keraian.

Soalan tentang hadiah dan keraian boleh ditujukan kepada mana-mana sumber berikut::


- Pengurus anda
- Jabatan Undang-undang
- Pasukan Pematuhan & Etika (compliance_ethics@micron.com)
- Ketua Pegawai Pematuhan


S:

Michael sedang memilih pembekal baharu untuk kelengkapan kilang yang penting. Satu daripada syarikat yang dia bekerja telah menghantar kepadanya beberapa hadiah bernilai kecil, termasuk bakul hadiah, tali leher dan sebotol wain. Bolehkah dia menerima item ini?

J:

Walaupun hadiah ini secara individu tidak memberikan apa-apa masalah, tetapi menerima hadiah yang banyak boleh menimbulkan tanggapan bahawa pertimbangan Michael cuba dipengaruhi secara tidak wajar. Dia perlu berbincang dengan pengurusnya atau Jabatan Undang-undang tentang cara menangani situasi ini dan sama ada dia boleh menerima hadiah ini daripada pembekal itu.





Penyogokan dan Rasuah

Kita memegang prinsip memenangi perniagaan secara beretika melalui kualiti produk dan perkhidmatan pelanggan, bukan melalui bayaran penyogokan atau rasuah. Kita mematuhi semua undang-undang, perjanjian dan pengawalan yang milarang penyogokan dalam apa jua bentuk, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing (FCPA) Amerika Syarikat dan Akta Penyogokan United Kingdom.

Di bawah ialah beberapa perkara dan takrifan utama yang kita mesti fahami dan patuhi:

Pegawai kerajaan dan pegawai kerajaan lain yang boleh merupakan pekerja kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan, pegawai atau calon parti politik, pekerja perniagaan milik kerajaan atau pekerja atau pegawai Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (U.N.), Bank Dunia atau organisasi yang serupa. Di sesetengah negara, perkara ini mungkin tidak begitu jelas bahawa sesuatu perniagaan, sekolah atau organisasi lain sebenarnya milik kerajaan. Apabila anda tidak pasti, minta panduan sebelum bertindak.

Sogokan boleh jadi dalam apa-apa item yang bernilai bukan sekadar wang, tetapi juga apa-apa jenis hadiah keraian — yang boleh kelihatan seperti cubaan mempengaruhi tindakan atau keputusan seseorang pegawai atau memperoleh kelebihan yang tidak wajar untuk Syarikat kita.

K sogokan ialah pulangan sejumlah wang yang telah dibayar (atau yang perlu dibayar) sebagai ganjaran kerana membuat atau menggalakkan urusan perniagaan.

K duit kopi biasanya dalam bentuk bayaran tunai kecil yang dibuat untuk mencepatkan perkhidmatan biasa kerajaan. Perkhidmatan ini boleh termasuk memproses permit, menyediakan perlindungan polis atau mencepatkan perkhidmatan utiliti. Kita tidak boleh sesekali bersetuju membayar duit kopi, walaupun ia merupakan suatu kebiasaan di sesetengah negara.

Kunci utama menjauhkan amalan rasuah ini ialah jangan sesekali menawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai serta boleh mempengaruhi keupayaan seseorang membuat keputusan perniagaan yang objektif. Ini boleh merangkumi keputusan menjalankan perniagaan — atau terus menjalankan perniagaan — dengan kita, mendapat kelebihan perniagaan atau apa-apa bentuk pengaruh lain yang tidak wajar. Kita tidak boleh menawar, membayar, mendapatkan atau menerima sogokan, sama ada kita bekerja dengan pegawai kerajaan, pelanggan atau rakan niaga kita. Di samping itu, kita tidak boleh mengambil pihak ketiga melakukan sesuatu yang kita secara sah dari segi undang-undang, tidak boleh atau secara sengaja membenarkan pihak ketiga terlibat dalam tingkah laku tidak beretika bagi pihak Micron.

Di bawah FCPA, lejar dan rekod kita mesti menunjukkan perbelanjaan dan transaksi lain dengan tepat dan saksama. Kita juga dikehendaki mengekalkan sistem kawalan dalaman supaya kita boleh menyediakan penyata kewangan yang jujur dan merekodkan keuntungan, kerugian, aset dan liabiliti kita dengan tepat.

Hukuman sivil dan jenayah kerana melanggar undang-undang antirasuah adalah berat, oleh itu, sangat penting untuk kita sentiasa mematuhi undang-undang antirasuah yang terpakai kepada kita. Setiap warga kerja mempunyai kewajipan melaporkan apa-apa pelanggaran yang diketahui atau disyaki dengan segera, tidak kira betapa kecil ia kelihatan di mata kita. Kita memberi jaminan bahawa anda tidak akan mengalami tindakan balas untuk laporan yang dibuat dengan niat baik.

Untuk maklumat tambahan mengenai penyogokan dan rasuah, sila kunjungi Pusat Pematuhan & Etika (alias: CEC/) dan laman web dasar global (alias: dasar/). Secara khususnya, sebelum apa-apa interaksi dengan mana-mana pegawai kerajaan, anda perlu menyemak semula Dasar Interaksi Kerajaan dan Antirasuah Global dengan teliti, yang juga boleh didapati di laman web global kita dan, jika perlu, hantarkan notis kepada govtofficialmeet@micron.com terlebih dahulu untuk apa-apa interaksi.

S: Huang perlu mendapatkan permit alam sekitar yang tertentu daripada pejabat perbandaran tempatan sebelum dia boleh membuka kilang pembuatan Micron. Kerani perbandaran memberitahunya bahawa permohonannya mungkin mengambil masa sehingga enam minggu untuk memproses permit tersebut. Dia mengisyaratkan bahawa ini boleh dilakukan dengan lebih pantas sekiranya Huang boleh memberikannya sedikit “tanda penghargaan”— seperti sebuah kereta. Huang perlu mendapatkan permit tersebut secepat mungkin. Apakah yang perlu dia lakukan?

J: Huang tidak seharusnya melakukan perkara yang dicadangkan oleh kerani tersebut, walaupun dia amat memerlukan permit itu. Hadiah ini boleh dianggap sebagai rasuah. Di Micron, kita tidak sesekali membayar rasuah dalam apa juar keadaan. Ini bukan cara kita menjalankan perniagaan. Huang perlu melaporkan kejadian ini kepada pengurusnya atau Jabatan Undang-undang.

Kita tidak boleh menawar, membayar, mendapatkan atau menerima sogokan, sama ada kita bekerja dengan pegawai kerajaan, pelanggan atau rakan niaga kita.

Kontrak Kerajaan

Micron mematuhi pada semua undang-undang, pengawalan dan kawal selia yang mentadbir urus perolehan barang dan perkhidmatan oleh mana-mana entiti kerajaan, pelaksanaan kontrak kerajaan dan perjanjian bantuan kewangan kerajaan seperti geran dan perjanjian kerjasama. Apabila berurusan dengan pekerja dan agensi kerajaan, kita mesti sentiasa jujur dan tepat. Kita tidak boleh sesekali memberikan maklumat, pensijilan, pernyataan atau laporan yang tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan kepada pekerja atau agensi kerajaan. Setiap kali kita membida kontrak atau subkontrak kerajaan, kita mesti berhati-hati menggunakan angka yang tepat sebagai asas untuk penetapan harga kita.

Jika anda sebahagian daripada pasukan yang terlibat dalam kontrak kerajaan, anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi keperluan kontrak pada setiap masa. Jangan sesekali menyimpang daripada spesifikasi kontrak tanpa kebenaran dan sentiasa ikut prosedur yang berkenaan. Jika kita bekerja dengan mana-mana agensi kerajaan — termasuk agensi dan organisasi kerajaan antarabangsa — menjadi tanggungjawab kita untuk mengetahui dan mematuhi semua peraturan yang terpakai terhadap proses dan interaksi dengan pegawai dan pekerja kerajaan.

Aktiviti yang mungkin sesuai apabila kita bekerja dengan pelanggan lain mungkin tidak wajar — malah menyalahi undang-undang — apabila kita bekerja dengan agensi dan pekerja kerajaan. Hukuman kerana gagal mematuhi undang-undang ini sangat berat, termasuk denda sivil dan jenayah berat dan hukuman penjara. Dasar Kelulusan Kontrak Kerajaan kita, yang terpakai terhadap mana-mana penglibatan yang dicadangkan dengan kerajaan Amerika Syarikat, boleh didapati di laman web dasar global (alias: dasar/). Sebelum anda melibatkan diri dalam apa-apa interaksi bukan rutin dengan mana-mana pegawai kerajaan, anda perlu menyemak semula semua dasar yang terpakai dengan teliti yang boleh didapati di laman web Dasar Global kita dan sila hubungi juga Bahagian Hal-Ehwal Kerajaan. Secara khususnya, sebelum apa-apa interaksi dengan mana-mana pegawai kerajaan, anda perlu menyemak semula Dasar Interaksi Kerajaan dan Antirasuah Global dengan teliti, yang juga boleh didapati di laman web global kita dan, jika perlu, hantarkan notis kepada govtofficialmeet@micron.com terlebih dahulu untuk apa-apa interaksi.

Untuk maklumat lanjut tentang berurusan dengan pegawai kerajaan atau mematuhi kontrak kerajaan, sila hubungi jabatan Undang-undang atau Hal-Ehwal Kerajaan.



Menjalankan Perniagaan di Seluruh Dunia

Sebagai syarikat global, kita menghantar keluar produk kita ke seluruh dunia. Bagi mencapai kejayaan ini, adalah penting untuk kita mematuhi semua peraturan dan pengawalan kebangsaan dan tempatan yang terpakai terhadap aktiviti perdagangan antarabangsa kita. Kita mesti memahami dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai kepada kita berkaitan dengan eksport, eksport semula atau import. Kita juga mesti mematuhi undang-undang lain yang terpakai terhadap operasi kita di seluruh dunia, termasuk undang-undang berkaitan dengan bayaran cukai, seperti Akta Kewangan Jenayah United Kingdom (UK).

Eksport berlaku apabila produk, peralatan, bahan, perisian atau teknologi (termasuk bantuan teknikal) dihantar kepada individu di negara lain. Eksport juga boleh berlaku apabila teknologi (termasuk maklumat dan bantuan teknikal) atau perisian dilancarkan dalam apa jua cara — termasuk lisan, visual atau cara bertulis yang lain — kepada bukan warganegara Amerika Syarikat yang berada sama ada di Amerika Syarikat atau negara ketiga. Sebelum mengeksport apa-apa, anda mesti mengesahkan kelayakan penghantaran dan juga penerima. Anda juga mesti mendapatkan semua lesen dan permit yang diperlukan dan membayar semua duti yang perlu.

Aktiviti import, atau membawa barang yang kita beli daripada sumber asing atau luaran ke dalam negara lain, adalah juga tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan pengawalan. Aktiviti import mungkin memerlukan kita membayar duti dan cukai serta menghantar pemfailan tertentu.

Ini berlaku kerana undang-undang import dan eksport amat rumit, anda tidak seharusnya melibatkan diri dalam mana-mana dagangan yang melibatkan negara atau individu yang disekat atau melibatkan penggunaan akhir biologi, kimia, nuklear atau peluru berpandu yang disyaki tanpa kelulusan kumpulan Pematuhan Perdagangan atau Jabatan Undang-undang. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kumpulan Pematuhan Perdagangan.

Memudahkan pengelakan cukai bermakna melakukan penipuan cukai atau dengan disedarinya membantu pihak lain melakukan penipuan cukai. Kita tidak seharusnya menyertai apa-apa aktiviti yang sedemikian.

Boikot

Tidak kira di mana kita menjalankan perniagaan, kita mesti mengikut semua undang-undang terpakai di Amerika Syarikat yang melarang kita daripada menyertai, atau bekerjasama dengan mana-mana pihak yang diboikot di peringkat antarabangsa tanpa kebenaran rasmi yang jelas oleh kerajaan Amerika Syarikat.

Permintaan untuk bekerjasama dengan pihak yang diboikot boleh dibuat secara lisan atau bertulis. Permintaan ini sering kelihatan dalam kontrak, surat kredit, atau bidaan atau bahan cadangan. Permintaan, arahan, atau peruntukan kontrak yang mengandungi perkataan “boikot” atau “senarai hitam”, atau merujuk kepada asal-usul negara, keetnikan, agama atau jantina tertentu yang mungkin berkaitan dengan boikot.

Undang-undang Amerika Syarikat mungkin memerlukan kita melaporkan permintaan untuk menyertai boikot antarabangsa tanpa kebenaran rasmi yang jelas, walaupun kita tidak bersetuju atau tidak menjawab permintaan tersebut. Jika anda menerima permintaan tersebut, anda mesti melaporkannya dengan segera kepada Jabatan Undang-undang, supaya Micron boleh menentukan kewajipan pelaporannya.

Pengurus anda boleh ditemui untuk menjawab soalan tentang boikot dan perdagangan antarabangsa. Anda juga boleh menghubungi sumber berikut:

- [Jabatan Undang-undang](#)
 - [Kumpulan Pematuhan Perdagangan](#)
-

05 Bertindak Dengan Integriti untuk Pelabur Kita



Lejar dan Rekod

Kita semua memainkan peranan dalam memastikan integriti lejar, rekod dan pendedahan kewangan kita. Apa sahaja maklumat yang anda rekodkan untuk Syarikat kita — dari masa bekerja hingga inventori produk, perbelanjaan perjalanan, rekod cukai atau perakaunan — anda mesti bantu memastikan bahawa maklumat perniagaan yang kita laporkan adalah tepat, lengkap dan tepat pada masanya. Ini termasuk merekod atau melengkapkan semua yang berikut dengan tepat:

- Perbelanjaan dan perbelanjaan modal
- Jualan
- Penghantaran
- Lembaran masa
- Baucar
- Pemfailan cukai
- Bil
- Rekod daftar gaji dan manfaat
- Data pengawalseliaan
- Pergerakan pengeluaran
- Maklumat penting Syarikat yang lain

Maklumat yang kita rekod membantu Syarikat kita merancang untuk masa hadapan. Maklumat itu juga memberitahu data kewangan yang kita laporkan kepada pemegang saham dan pengawal selia. Bagi memastikan Syarikat kita boleh merancang dengan betul dan pemegang saham dan pengawal selia (termasuk pihak berkuasa cukai) kita mempunyai maklumat yang tepat, lejar dan rekod kita — sama ada bercetak atau dalam bentuk elektronik — mesti sentiasa lengkap dan jujur. Lejar dan rekod mesti mencerminkan aset, liabiliti, perbelanjaan dan hasil perniagaan kita dengan wajar. Kita semua mempunyai tugas untuk menyimpan lejar dan rekod kita selaras dengan Prinsip Perakaunan Diterima Umum (GAAP) Amerika Syarikat dan mana-mana keperluan kawal selia lain yang terpakai terhadap syarikat multinasional, dagangan awam. Kita juga mempunyai tugas untuk tidak melaksanakan dan memudahkan individu lain melakukan, apa-apa tindakan penipuan atau pengelakan cukai. .

Apa Itu Rekod?

Perlu diingatkan bahawa rekod tidak semestinya dokumen bercetak — ia boleh jadi dalam bentuk elektronik, misalnya. Semua ini ialah rekod:

- Fail bercetak
- E-mel
- Mesej segera
- Kandungan laman web
- Lembaran
- Fail dan pangkalan data sistem
- Fail dan pita audio
- Pemacu keras komputer
- Format storan media seperti CD, DVD, pemacu USB dan pemacu cakera luaran

*Lejar dan rekod kita — sama ada bercetak atau elektronik — mesti sentiasa lengkap dan jujur.
Lejar dan rekod mesti mencerminkan aset, liabiliti, perbelanjaan dan hasil perniagaan kita dengan wajar.*



Pengurusan Rekod

Selain mewujudkan rekod kewangan yang jujur dan tepat, kita juga perlu menguruskan dan menyimpan rekod Syarikat kita mengikut dasar Pengurusan Rekod kita. Rekod adalah penting untuk memenuhi keperluan perniagaan kita dan memenuhi keperluan kawal selia. Jangan sesekali memusnahkan rekod, ini melanggar dasar.

Jika dokumen atau rekod tertentu mungkin diperlukan untuk penyiasatan, audit atau potensi tuntutan mahkamah, dokumen dan rekod boleh diletakkan di bawah penahanan undang-undang. Jika sesuatu rekod tertakluk kepada penahanan undang-undang, kita tidak boleh mengubah, merosakkan atau memusnahkan rekod itu sehingga kita diarahkan bahawa penahanan tersebut telah ditarik balik — tanpa mengambil kira jadual pengekalan biasa kita.

Kita juga sangat komited untuk mencegah dan mengesan sebarang perbuatan menipu. Secara umumnya, penipuan ialah menyembunyikan fakta dengan sengaja bertujuan menipu atau memperdaya individu lain. Antara perkara lain, ini boleh termasuk:

- Salah nyata disebabkan oleh laporan kewangan atau pengiktirafan hasil yang palsu.
- Salah nyata yang berkaitan dengan penggunaan aset untuk tujuan yang menyalahi undang-undang, tidak wajar atau yang tidak diingini (seperti penipuan wayar atau vendor palsu)
- Hasil dan aset yang diperoleh secara penipuan
- Percubaan mengelakkan kos dan perbelanjaan

Jika anda berpendapat kelakuan yang tidak beretika, tidak wajar atau menyalahi undang-undang sedang berlaku berkenaan amalan perakaunan dalaman kita, penyelewengan kewangan atau penipuan anda me sti melaporkan kebimbangan anda dengan segera.

Sila hubungi pengurus anda, jabatan Rekod atau jabatan Undang-undang jika anda mempunyai soalan tentang lejar dan rekod Syarikat kita.

Penyiasatan dan Audit

Penyiasatan Kerajaan

Sebagai sebahagian daripada penyelidikan atau penyiasatan, ejen kerajaan mungkin boleh menghubungi anda untuk mendapatkan maklumat. Sebelum memberikan apa-apa maklumat, anda perlu menghubungi Jabatan Undang-undang terlebih dahulu seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Jabatan Undang-undang boleh memberikan nasihat mengenai cara menjawab dan akan memastikan semua langkah yang sewajarnya diambil dan kepentingan Syarikat dilindungi.

Penyiasatan Dalam

Di Micron, ahli pasukan mempunyai dua tanggungjawab utama berkaitan dengan penyiasatan dalaman.

- **Kewajipan Melaporkan** — Pertama sekali, ahli pasukan dijangka melaporkan kebimbangan yang berniat baik tentang potensi pelanggaran undang-undang atau dasar Micron. Pelaporan secara terbuka ialah komponen penting dalam proses pematuhan kita. Ahli pasukan boleh melaporkan kebimbangan melalui banyak saluran, termasuk di Talian Utama Pematuhan secara tanpa nama atau kepada penyelia, pengurus, Jabatan Undang-undang, Sumber Manusia atau Sekuriti. Ahli pasukan yang tidak pasti sama ada laporan diperlukan perlu merujuk kepada penyelia, Sumber Manusia atau Jabatan Undang-undang untuk membincangkan perkara tersebut dengan lebih lanjut.
- **Kewajipan Bekerjasama** — Kedua, setiap ahli pasukan Micron dijangka bekerjasama sepenuhnya dan bersungguh-sungguh dengan mana-mana penyiasatan ke atas salah laku atau berkelakuan tidak wajar. Ini bermakna bahawa ahli pasukan mesti memberi jawapan dengan jujur dan bersungguh-sungguh kepada penyiasat, menjawab soalan yang mungkin ditanya dalam temu bual dan menyediakan dokumen, rekod dan bahan lain atas permintaan. Kegagalan memberi kerjasama dalam penyiasatan mungkin dianggap sebagai berkelakuan tidak wajar dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Dagangan Orang Dalam

Semasa bekerja bagi pihak Micron, anda mungkin mengetahui maklumat penting, bukan awam tentang Syarikat, pemilik, pelanggan kita atau syarikat lain. Maklumat penting bukan awam (juga dikenali sebagai maklumat dalaman) ialah maklumat tentang syarikat yang tidak diketahui oleh orang awam dan boleh mempengaruhi keputusan pelabur biasa untuk membeli, menjual atau memegang sekuriti syarikat itu. Maklumat tidak lagi bukan awam apabila ia telah disebarluaskan secara meluas kepada orang ramai dan tempoh menunggu yang munasabah telah berlalu, oleh yang demikian maklumat tersebut telah diserap oleh pasaran.

Maklumat dalaman boleh mengandungi maklumat tentang mana-mana yang berikut:

- Pencapaian kewangan
- Unjuran pendapatan atau kerugian pada masa hadapan
- Perubahan dalam produktiviti atau hasil pembuatan
- Berita cadangan penggabungan atau pengambilalihan
- Dapat atau hilang pelanggan besar
- Produk baharu
- Perubahan dalam pengurusan kanan
- Tindakan undang-undang yang ketara
- Tawaran saham atau hutang
- Pembahagian saham
- Kerosakan atau kehilangan aset penting

Maklumat dalaman juga boleh dikaitkan dengan syarikat lain, pembekal atau pelanggan yang anda peroleh secara rahsia sepanjang pekerjaan anda.

Berdagang dengan menggunakan maklumat penting bukan awam, melanggar undang-undang dagangan orang dalam. Sesiapa yang terlibat dalam dagangan orang dalam boleh dikenakan tindakan disiplin, serta berpotensi dijatuhan hukuman sivil atau jenayah. Memberikan maklumat dalaman kepada individu lain (atau memberi petunjuk kepada mereka) bertujuan mempengaruhi keputusan pelaburan mereka adalah menyalahi undang-undang.

Dagangan orang dalam amat dipandang serius. Anda boleh dikenakan hukuman kerana menyalahgunakan maklumat dalaman walaupun jumlah wang yang terlibat adalah kecil — atau walaupun sekiranya anda tidak membuat apa-apa keuntungan sekali pun.

Jika anda berkongsi maklumat dalaman dengan ahli pasukan Micron yang lain kerana menjadi sebahagian daripada pekerjaan anda, maka anda mesti tahu dan ikut prosedur yang ditetapkan untuk menerbitkan maklumat tersebut. Jika anda menerima maklumat dalaman yang anda tidak sepatutnya miliki, laporkannya dengan segera kepada Jabatan Undang-undang.

Untuk maklumat lanjut, sila semak semula Dasar Dagangan Orang Dalam, yang boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/).

Bercakap bagi Pihak Syarikat Kita

Bagi memastikan bahawa komunikasi kita tepat dan konsisten, hanya ahli pasukan tertentu yang ditetapkan diberi kuasa bercakap bagi pihak Micron kepada media dan komuniti pelaburan. Jika anda menerima permintaan untuk diwawancara atau memberi maklumat tentang Syarikat kita, tolak dengan sopan daripada memberi komen dan rujuk permintaan tersebut kepada Jabatan Komunikasi & Pemasaran Global. Untuk maklumat lanjut, sila semak semula Dasar mengenai Pendedahan Pilihan Bahan Bukan Maklumat Awam (Dasar Pengawalan FD) yang boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/).

Rangkaian Pakar

Rangkaian pakar ialah firma penyelidikan yang menghubungkan pakar bidang dengan pihak ketiga yang mahu mengetahui lebih lanjut mengenai pelbagai bidang. Firma ini menawarkan pampasan kepada ahli pasukan Micron kerana memberikan pandangan kepada pelanggan rangkaian (misalnya, syarikat, pesaing, pelabur, dana lindung nilai dan sebagainya) mengenai industri semikonduktor, pasaran memori dan storan, teknologi baharu muncul, produk dan topik lain yang berkaitan.

Sememangnya tidak diragukan bahawa ia suatu yang membanggakan apabila dirujuk untuk kepakaran anda, tetapi ingatlah bahawa rangkaian pakar ini memberi bantuan kepada anda disebabkan pengalaman dan jawatan anda di Micron. Sifat keterlibatan ini menjadikannya amat sukar (jika tidak mustahil) mengelakkan topik sensitif dan terdapat potensi yang tinggi untuk pendedahan yang tidak wajar berlaku. Lebih-lebih lagi, keterlibatan anda dengan rangkaian pakar mengenai apa-apa topik berkaitan dengan kerja anda di Micron boleh menyebabkan konflik kepentingan dan malah meletakkan anda dan Micron berisiko kerana melanggar undang-undang sekuriti persekutuan yang berkaitan dengan dagangan orang dalam dan pendedahan tidak wajar. Oleh kerana melibatkan risiko yang ketara, Micron melarang pekerjanya daripada menyertai rangkaian pakar mengenai apa-apa topik berkaitan dengan kerja mereka di Micron. Bagi melindungi diri anda dan Micron, jangan terima apa-apa keterlibatan atau sebaliknya berkomunikasi dengan mana-mana rangkaian pakar ini.

Menggunakan Media Sosial

Media sosial ialah sebahagian daripada kehidupan dan budaya seharian kita dan ia boleh menjadi cara yang amat baik untuk melibatkan diri dan menjalin hubungan dengan pelanggan, rakan niaga dan komuniti kita. Kita dikehendaki menggunakan media sosial secara bertanggungjawab. Media sosial terdiri daripada pelbagai bentuk, termasuk forum internet, blog dan blog mikro, profil dalam talian, wiki, audio siar, gambar dan video, e-mel, mesej segera dan perkongsian muzik. Semakin teknologi berkembang, begitu juga platform media sosial.

Kita hendaklah sentiasa ingat bahawa perkara yang kita katakan atau tulis di media sosial adalah rekod kekal yang boleh dikongsi di seluruh dunia, seolah-olah tanpa batasan. Oleh itu, rasa hormat dan pertimbangan yang baik mesti menjadi panduan kita apabila menyertai forum ini. Selain itu, kita mesti menjelaskan bahawa pernyataan kita mewakili pandangan peribadi kita sendiri, melainkan jika kita secara khusus diberi kuasa untuk bercakap bagi pihak Micron. Platform media sosial tidak boleh sesekali digunakan untuk berkongsi maklumat sulit Micron.

Micron menghormati kebebasan bersuara dan secara umumnya, perkara yang anda lakukan di luar kerja bukan urusan Micron. Walau bagaimanapun, aktiviti di dalam atau di luar kerja yang melanggar Tatakelakuan Micron atau dasar lain, atau yang menjelaskan prestasi kerja anda di Micron, prestasi ahli pasukan Micron yang lain atau kepentingan perniagaan dan reputasi Micron menjadi kebimbangan berasas kepada Micron dan anda mesti menggunakan pertimbangan yang wajar.

Untuk maklumat lanjut tentang topik ini, sila rujuk kepada sumber berikut:

- Jika anda mempunyai soalan tentang dagangan orang dalam, sila hubungi jabatan Rancangan Saham Global atau jabatan Undang-undang.
- Jika anda menerima permintaan untuk diwawancara atau memberi maklumat tentang Micron, ajukan permintaan tersebut kepada jabatan Komunikasi & Pemasaran Global atau jabatan Hubungan Pelabur.
- Jika anda mahu mengetahui lebih lanjut mengenai menyiaran kandungan yang sesuai dalam talian, sila baca Dasar Penyumbang Media Sosial Micron, yang boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/).

S:

Ashley ialah wakil jualan di Micron. Dia menyiaran kiriman pada profil media sosialnya, “Masa untuk buka champagne! Kita berjaya melepas matlamat jualan bulanan kita sebanyak 20%!” Adakah ini boleh diterima?

J:

Tidak boleh. Ashley tidak sepatutnya menyiaran apa-apa kiriman maklumat — walaupun berita baik — tentang jualan bulanan Micron. Maklumat ini perlu sentiasa disimpan dalam Syarikat kita. Walaupun Ashley tidak memberikan nombor yang sebenar, dia menyiaran kiriman maklumat tentang prestasi kewangan Micron yang orang luar mungkin menggunakan untuk membuat keputusan perniagaan. Jika anda mempunyai soalan tentang maklumat yang mungkin boleh dikongsi, sila bertanya pengurus atau penyelia anda.

06 Bertindak Dengan Integriti untuk Komuniti Kita



Komitmen Alam Sekitar

Kita semua mendapat manfaat daripada udara, bumi dan air yang sihat — dan kita memainkan peranan untuk melindungi dan memelihara sumber ini. Untuk melakukan ini, kita mengikuti semua undang-undang alam sekitar yang terpakai kepada kita. Bukan sekadar mengikuti undang-undang, kita berusaha mengatasi standard industri untuk kecemerlangan alam sekitar di semua tempat kerja kita, termasuk standard yang digariskan dalam Tatakelakuan RBA. Tatakelakuan RBA menetapkan standard tentang semua perkara berikut:

- Permit dan pelaporan alam sekitar
- Pencegahan pencemaran dan pengurangan sumber
- Bahan berbahaya
- Air kumbahan dan sisa pepejal
- Pelepasan udara
- Kekangan bahan
- Pengurusan air hujan
- Penggunaan tenaga
- Pelepasan gas rumah hijau

Micron menyediakan latihan kepada ahli pasukan mengenai topik alam sekitar mengikut peranan dan tanggungjawab.

Micron komited untuk menggalakkan amalan mampan dalam semua operasi kita. Kita menggunakan amalan jangka panjang yang selamat untuk mengurangkan sisa, mencegah pencemaran dan pengendalian dan pelupusan bahan berbahaya yang berpotensi. Kita juga menyelenggara sistem pemantauan bagi memastikan yang kita terus patuh dan komuniti kita sihat. Kita terus mencari jalan untuk menggunakan tenaga dengan cekap dan bijak. Untuk maklumat lanjut, sila semak semula Dasar Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar, yang boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/) serta laporan kelestarian tahunan kita yang terdapat di MicronNow (alias: kelestarian/) dan di micron.com.

Soalan tentang keperluan alam sekitar hendaklah diarahkan kepada pengurus anda, pasukan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS), Jabatan Undang-undang atau Talian Utama Pematuhan.

Bukan sekadar mengikuti undang-undang, kita berusaha mengatasi standard industri untuk kecemerlangan alam sekitar di semua tempat kerja kita.

Aktiviti Politik

Micron menggalakkan setiap warga kerja melibatkan diri dalam proses politik bagi menyokong calon atau parti. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh mewujudkan tanggapan bahawa anda bercakap atau bertindak bagi pihak Micron. Anda seharusnya menyertai proses politik hanya dengan masa anda sendiri dan juga menggunakan sumber yang anda miliki. Jangan sesekali menggunakan masa, harta benda atau peralatan Syarikat untuk aktiviti politik peribadi. Begitu juga, kita tidak boleh menjangka untuk dibayar balik sumbangan politik peribadi.

Aktiviti Politik Korporat

Agenda dasar awam Micron merangkumi pemilihan pegawai awam yang memahami kepentingan perniagaan Syarikat kita dan menyokong perundungan yang penting kepada Micron. Walau bagaimanapun, dana dan aset lain Micron mungkin digunakan sebagai sumbangan politik hanya seperti yang dibenarkan oleh undang-undang selaras dengan dasar Micron. Jabatan Hal Ehwal Kerajaan dan Jabatan Undang-undang bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan sumbangan politik bagi pihak Micron. Ini termasuk sumbangan derma produk, perkhidmatan, pengangkutan dan kemudahan.

Jabatan Hal Ehwal Kerajaan juga mengawasi aktiviti melobi Micron. Dalam perjalanan kerjaya, anda tidak boleh terlibat dalam apa-apa aktiviti bertujuan untuk mempengaruhi pembentukan undang-undang atau peraturan, atau melibatkan pelobi atau membenarkan individu lain berbuat demikian tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Hal Ehwal Kerajaan terlebih dahulu.

Setakat yang sesuai dan sah, Syarikat kita mempunyai jawatankuasa tindakan politik (PAC) persekutuan Amerika Syarikat dan negeri. Penyertaan PAC pekerja adalah secara sukarela. Anda tidak akan sesekali diberi tekanan dalam apa-apa cara untuk menyumbang atau menyokong mana-mana parti atau calon politik.

Sila bincang dengan Jabatan Hal Ehwal Kerajaan sekiranya anda mempunyai soalan tentang PAC kita atau sekiranya menerima tekanan untuk menyokong calon atau perjuangan politik.



Penglibatan Kerja Amal

Sebagai sebahagian daripada misi Syarikat, kita berusaha memberi pengaruh yang positif terhadap semua individu yang berhubung dengan Syarikat dan warga kerja kita. Kita digalakkan untuk menyertai organisasi atau inisiatif yang kita minati dan mungkin layak bagi mendapat cuti berbayar terhad untuk jenis aktiviti amal tertentu. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menggunakan terlalu banyak sumber Syarikat untuk aktiviti amal peribadi tanpa kebenaran.

Sebagai ahli pasukan, anda mempunyai budi bicara untuk menyertai aktiviti amal. Walau bagaimanapun, kerja amal atau aktiviti tersebut tidak boleh kelihatan seperti (atau sebaliknya berfungsi sebagai samaran) sumbangan politik. Gunakan pertimbangan yang baik dan hormati ahli pasukan lain apabila meminta bantuan mereka berkenaan badan amal. Untuk maklumat lanjut, sila semak semula Dasar Masa Khidmat Komuniti yang boleh didapati di laman web dasar global kita (alias: dasar/).

Penepian

Mana-mana penepian Tatakelakuan untuk pegawai kanan atau ke atas, atau untuk pengarah mungkin hanya dibuat oleh lembaga pengarah atau jawatankuasa lembaga dan mesti didedahkan dengan segera seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Tidak kira di mana-mana bahagian kita bekerja atau apa-apa jenis pekerjaan yang kita lakukan di Micron, integriti sentiasa penting.

Sumber Tambahan

Pada kebiasaannya, pengurus anda berada dalam kedudukan terbaik untuk menjawab apa-apa soalan yang anda miliki tentang topik dalam Tatakelakuan kita. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, sumber lain juga mungkin bersedia menangani kebimbangan anda.

| Bahagian yang Memerlukan Perhatian | Individu yang Perlu Dihubungi | Tempat Mendapatkan Maklumat Lanjut Di Dalam Tatakelakuan kita |
|--|---|---|
| Penggunaan alkohol atau dadah | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan sekuriti▪ Jabatan keselamatan▪ Sumber Manusia | Halaman 11 |
| Antitrust dan persaingan | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 24 |
| Lejar, rekod dan penipuan | <ul style="list-style-type: none">▪ Kewangan▪ Audit Dalaman▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 36 |
| Boikot dan perdagangan antarabangsa | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Undang-undang▪ Kumpulan Pematuhan Perdagangan | Halaman 34 |
| Konflik Kepentingan | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Undang-undang▪ Pengurus jabatan anda▪ Naib presiden anda▪ Sumber Manusia | Halaman 18 |
| Maklumat peribadi pelanggan | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 17 |
| Maklumat peribadi pekerja | <ul style="list-style-type: none">▪ Sumber Manusia | Halaman 17 |
| Komitmen alam sekitar | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS)▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 42 |
| Hadiah dan keraian dengan rakan niaga | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 28 |
| Hadiah dan keraian dengan pegawai kerajaan | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 31 |
| Kontrak Kerajaan | <ul style="list-style-type: none">▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 33 |

Sumber Tambahan

| Bahagian yang Memerlukan Perhatian | Individu yang Perlu Dihubungi | Tempat Mendapatkan Maklumat Lanjut Di Dalam Tatakelakuan kita |
|--|--|---|
| Gangguan atau diskriminasi | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sumber Manusia ▪ Hubungan Pekerja ▪ Naib presiden ▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 6 |
| Dagangan orang dalam | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Undang-undang ▪ Global Stock Plans department | Halaman 38 |
| Harta intelektual dan maklumat sulit | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 13 |
| Penyiasatan dan audit | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Undang-undang ▪ Audit Dalaman | Halaman 37 |
| Hubungan media atau komuniti pelaburan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Komunikasi & Pemasaran Global ▪ Hubungan Pelabur | Halaman 39 |
| Menyertai lembaga pengaruh | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Undang-undang ▪ Ketua Pegawai Pematuhan ▪ Yayasan Micron (berbincang dengan menggunakan sumber Micron untuk organisasi luar) | Halaman 21 |
| Aktiviti politik | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Hal Ehwal Kerajaan ▪ Jabatan Undang-undang | Halaman 43 |
| Permintaan maklumat tentang Micron | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Komunikasi & Pemasaran Global ▪ Hubungan Pelabur | Halaman 39 |
| Masalah rantaian bekalan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perolehan Global | Halaman 23 |
| Keselamatan tempat kerja | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan keselamatan | Halaman 9 |



Bldg
37

Micron

Micron Technology, Inc.
Integriti Penting:
Tatakelakuan
Perniagaan & Etika Micron

